

PERINGKAT KEPRIHATINAN DAN TAHAP PENGGUNAAN KOMUNIKATIF
GURU DALAM PELAKSANAAN KURIKULUM BAHASA INGGERIS
BERASASKAN SEKOLAH

ZAIFUDDIN

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan ijazah
Doktor Falsafah (Kurikulum dan Pengajaran)

Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL 2016

ABSTRAK

Kajian ini dibuat untuk mengenal pasti peringkat yang dominan dari peringkat keperihatinan dan tahap penggunaan pendekatan komunikatif guru; menentukan perbezaan demografi (jantina, pendidikan, latihan, masa berkhidmat) guru dalam peringkat keperihatinan dan tahap penggunaan pendekatan komunikatif dan mengenal pasti kesan peringkat keperihatinan terhadap pendekatan komunikatif dalam melaksanakan Kurikulum Bahasa Inggeris Berasaskan Sekolah (ESBC). Kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti perubahan yang telah dilakukan oleh guru dalam melaksanakan ESBC dan cabaran guru dalam membuat proses perubahan dan bagaimana guru-guru mengendalikannya. Dua dimensi Model Adaptasi Berasaskan Keprihatinan iaitu dimensi Peringkat Keprihatinan dan Tahap Penggunaan difokuskan dalam kajian ini. Kajian ini melibatkan kaedah gabungan kuantitatif-kualitatif. Keseluruhan guru bahasa Inggeris di Daerah Jeneponto ($n=89$) telah terlibat dalam kajian kuantitatif. Bagi kaedah kualitatif seramai 12 orang guru yang dipilih dengan menggunakan persampelan bertujuan untuk ditemu bual. Data dikumpulkan dengan menggunakan dua kaedah iaitu soal selidik dan temu bual separa berstruktur. Data kuantitatif dikumpulkan dengan menggunakan soal selidik yang terdiri dari pada soalan demografi, soal selidik peringkat keperihatinan dan penilaian diri tahap penggunaan pendekatan komunikatif. Ujian ANOVA satu hala digunakan untuk menganalisa data kuantitatif dan analisis tema digunakan untuk data kualitatif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa peringkat keprihatinan yang paling tinggi adalah pada peringkat 3 (Pengurusan) diikuti dengan peringkat 5 (Kerjasama). Tahap penggunaan pendekatan komunikatif paling tinggi adalah pada tahap 4 (Rutin) diikuti dengan tahap 3 (Mekanikal). Terdapat perbezaan yang signifikan dalam peringkat keperihatinan guru berdasarkan jantina, pendidikan dan latihan tetapi tidak bagi tempoh perkhidmatan. Bagi tahap penggunaan pendekatan komunikatif pula, perbezaan yang signifikan diperolehi bagi aspek jantina dan tempoh perkhidmatan tetapi tidak signifikan bagi aspek pendidikan dan latihan. Terdapat hubungan positif antara peringkat keperihatinan guru dengan tahap penggunaan pendekatan komunikatif ($(r)=0.36$). Kebanyakan guru memahami dan memiliki motivasi yang tinggi dengan terlibat dalam membangunkan ESBC, membuat rancangan pengajaran, menggunakan Bahasa Inggeris dalam pembelajaran dan menggunakan proses penilaian. Hasil kajian menunjukkan bahawa penglibatan guru dalam merancang dan melaksanakan ESBC mesti digalakkan.

ABSTRACT

This study is conducted to identify the dominant stage of concern and level of use of teachers' communicative approach; to determine demographic differences of demographics (gender, education, training, years of experience) in teachers' concerns and level of use of communicative approach and to identify the impact of the Stage of Concern towards the level of use of communicative approach in implementing English School Based Curriculum (ESBC). This study also aims at identifying changes made by the teachers in implementing ESBC, challenges to the process of changes and how the teachers carry them out. This study employs two-dimensions of Concern Based Adaption Model, Stage of Concerns and Levels of Use. This research involves mixed quantitative qualitative methods. All English teachers in Jeneponto district (n=89) were involved in quantitative research. Purposive random sampling was used in the qualitative method in order to determine twelve teachers for interviews. Data were collected using two methods including questionnaire and semi-structured interview. Quantitative data were collected using demography questionnaire, stage of concern questionnaire and self-assessment of level of use of communicative approach. One-way ANOVA test was utilised to analyze the quantitative data, and thematic analysis was used to analyze qualitative data. Results showed that the highest stage of teachers' concern is in stage 3 (Management) followed by stage 5 (collaboration). The highest level of use of communicative approach is level 4 (routine) followed by level 3 (mechanical). There were significant differences between gender, education and training towards teachers' stage of concern but not for years of teaching. There were significant differences between gender and years of teaching in the level of use of communicative approach whereas no significant differences were found in education level. There is positive relation between teachers' stage of concern and level of use of communicative approach ($r=0.36$). Most teachers understand and have a high motivation to engage in developing ESBC, create lesson plans, use English in the learning and use the assessment process. The result of the study shows that the involvement of teachers in planning and implementing ESBC should be increased.

ABSTRAK

Kajian ini dibuat untuk mengenal pasti peringkat yang dominan dari peringkat keperihatinan dan tahap penggunaan pendekatan komunikatif guru; menentukan perbezaan demografi (jantina, pendidikan, latihan, masa berhidmat) guru dalam peringkat keperihatinan dan tahap penggunaan pendekatan komunikatif dan mengenal pasti kesan peringkat keperihatinan terhadap pendekatan komunikatif dalam melaksanakan Kurikulum Bahasa Inggeris Berasaskan Sekolah (ESBC). Kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti perubahan yang telah dilakukan oleh guru dalam melaksanakan ESBC dan cabaran guru dalam membuat proses perubahan dan bagaimana guru-guru mengendalikannya. Dua dimensi Model Adaptasi Berasaskan Keprihatinan iaitu dimensi Peringkat Keprihatinan dan Tahap Penggunaan difokuskan dalam kajian ini. Kajian ini melibatkan kaedah gabungan kuantitatif-kualitatif. Keseluruhan guru bahasa Inggeris di Daerah Jeneponto ($n=89$) telah terlibat dalam kajian kuantitatif. Bagi kaedah kualitatif seramai 12 orang guru yang dipilih dengan menggunakan persampelan bertujuan untuk ditemu bual. Data dikumpulkan dengan menggunakan dua kaedah iaitu soal selidik dan soalan temu bual separa berstruktur. Data kuantitatif dikumpulkan dengan menggunakan soal selidik yang terdiri dari pada soalan demografi, soal selidik peringkat keperihatinan dan penilaian diri tahap penggunaan pendekatan komunikatif. Ujian ANOVA satu hala digunakan untuk menganalisa data kuantitatif dan analisis tema digunakan untuk data kualitatif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa peringkat keprihatinan yang paling tinggi adalah pada peringkat 3 (Pengurusan) diikuti dengan peringkat 5 (Kerjasama). Tahap penggunaan pendekatan komunikatif paling tinggi adalah pada tahap 4 (Rutin) diikuti dengan tahap 3 (Mekanikal). Terdapat perbezaan yang signifikan dalam peringkat keperihatinan guru berdasarkan jantina, pendidikan dan latihan tetapi tidak bagi tempo perhidmatan. Bagi tahap penggunaan pendekatan komunikatif pula, perbezaan yang signifikan diperolehi bagi aspek jantina dan tempo perkhidmatan tetapi tidak signifikan bagi aspek pendidikan dan latihan. Terdapat hubungan positif antara peringkat keperihatinan guru dengan tahap penggunaan pendekatan komunikatif dengan $(r)=0.36$). Kebanyakan guru memahami dan memiliki motivasi yang tinggi dengan terlibat dalam membangunkan ESBC, membuat rancangan pengajaran, menggunakan Bahasa Inggeris dalam pembelajaran dan menggunakan penilaian proses. Hasil kajian menunjukkan bahawa penglibatan guru dalam pembuatan rancangan pengajaran dan melaksanakan KBIBS mesti digalakkan.

ABSTRACT

This study is conducted to identify the dominant stage of concern and level of use of teachers' communicative approach; to determine demographic differences of demographics (gender, education, training, years of experience) in teachers' concerns and level of use of communicative approach and to identify the impact of the Stage of Concern towards the level of use of communicative approach in implementing English School Based Curriculum (ESBC). This study also aims at identifying changes made by the teachers in implementing ESBC, challenges to the process of changes and how the teachers carry them out. This study employs two-dimensions of Concern Based Adaption Model, Stage of Concerns and Levels of Use. This research involves mixed quantitative qualitative methods. All English teachers in Jeneponto district (n=89) were involved in quantitative research. Purposive random sampling was used in the qualitative method in order to determine twelve teachers for interviews. Data were collected using two methods including questionnaire and semi-structured interview questions. Quantitative data were collected using demography questionnaire, stage of concern questionnaire and self-assessment of level of use of communicative approach. One-way ANOVA test was utilised to analyze the quantitative data, and thematic analysis was used to analyze qualitative data. Results showed that the highest stage of teachers' concern is in stage 3 (Management) followed by stage 5 (collaboration). The highest level of use of communicative approach is level 4 (routine) followed by level 3 (mechanical). There were significant differences between gender, education and training towards teachers' stage of concern but not for years of teaching. There were significant differences between gender and years of teaching in the level of use of communicative approach whereas no significant differences were found in education level and. There is positive relation between teachers' stage of concern and level of use of communicative approach ($r=0.36$). .. Most teachers understand and have a high motivation to engage in developing ESBC, create lesson plans, use English in the learning and use the assessment process. The result of the study shows that the involvement of teachers in designing, planning and implementing ESBC should be increased.

SENARAI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGAKUAN	
	TAJUK	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	SENARAI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xvi
	SENARAI RAJAH	xvii
	SENARAI SINGKATAN	xviii
	SENARAI LAMPIRAN	xx
1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	3
	1.3 Pernyataan Masalah	10
	1.4 Objektif Kajian	13
	1.5 Persoalan Kajian	13
	1.6 Hipotesis Kajian	14
	1.7 Rasional Kajian	15
	1.8 Signifikan Kajian	17
	1.9 Kerangka Teori Kajian	18
	1.10 Batasan Kajian	25

1.11	Definisi Operasional	26
1.11.1	Kurikulum Bahasa Inggeris Berasaskan Sekolah	26
1.11.2.	Pelaksanaan	27
1.11.3.	Keperihatinan	27
1.11.4.	Guru	27
1.11.5	Perubahan Guru	28
1.11.6	Pendekatan Komunikatif	28
1.11.7.	Model Adaptasi Berasaskan Keperihatinan	29
1.11.7.1	Kesedaran	30
1.11.7.2	Maklumat	31
1.11.7.3	Peribadi	31
1.11.7.4	Pengurusan	31
1.11.7.5	Akibat	31
1.11.7.6	Kerjasama	31
1.11.7.7	Menumpukan Semula	32
1.11.8	Tahap Penggunaan	32
1.11.8.1	Bukan Pengguna	32
1.11.8.2	Orientasi	32
1.11.8.3	Penyediaan	32
1.11.8.4	Penggunaan Mekanikal	32
1.11.8.5	Rutin	32
1.11.8.6	Penghalusan	32
1.11.8.7	Integrasi	32
1.11.8.8	Pembaharuan	33
1.12	Penutup	33
2	TINJAUAN LITERATUR	34
2.1	Pengenalan	34
2.2	Definisi Kurikulum	34
2.3	Kurikulum Berasaskan Sekolah	36
2.3.1	Sejarah Ringkas Kurikulum Bahasa Inggeris	

Sekolah Menengah di Indonesia	39
2.3.2 Kurikulum Bahasa Inggris Berasaskan Sekolah	41
2.3.2.1 Formulasi KBIBS	42
2.3.2.2 Aspek Yang Mempengaruhi Pelaksanaan KBIBS	43
2.3.2.2.1 Masa	44
2.3.2.2.2 Kepakaran Guru	45
2.3.2.2.3. Penglibatan Guru	46
2.3.2.2.4 Sokongan Pentadbir	47
2.4. Pendekatan Komunikatif Dalam Pembelajaran Bahasa	47
2.4.1. Peranan Guru Dalam PBK	52
2.4.2. Peranan Pelajar Dalam PBK	53
2.4.3. Bahan dan Aktiviti Dalam PBK	54
2.5. Pelaksanaan Kurikulum	54
2.5.1. Model Pelaksanaan Kurikulum	57
2.5.1.1. Model Perubahan Pendidikan	57
2.5.1.2. Model Pembangunan Organisasi	58
2.5.1.3. Model ELY	58
2.5.1.4. Model Panduan Agen Perubahan	59
2.5.1.5. Model Adaptasi Berasaskan Keprihatinan	65
2.5.1.5.1 Peringkat Keprihatinan	69
2.5.1.5.2. Tahap Penggunaan	71
2.5.1.5.3. Konfigurasi Inovasi	71
2.6 Kajian- Kajian Lepas	71
2.7. Kecekapan Guru	75
2.7.1 Kecekapan Pedagogik	76
2.7.2 Kecekapan Personaliti	77
2.7.3 Kecekapan Sosial	78
2.7.4 Kecekapan Profesional	79
2.8. Kompetensi dan Prestasi Dalam Pengajaran Bahasa	81
2.8.1 Kemahiran Bahasa	82
2.8.2 Pengetahuan Kandungan	83
2.8.3 Pengetahuan Pengajaran	84

2.8.4	Pengetahuan Kontekstual	85
2.8.5	Identiti Bahasa Guru	86
2.8.6	Pengajaran Fokus Pelajar	87
2.8.7	Kemahiran Penaakulan Pedagogi	89
2.8.8	Membuat Teori dari Amalan	90
2.8.9	Keanggotaan sesuatu Komuniti Amalan	91
2.8.1	Profesionalisme	92
	0	
2.9	Pembangunan Profesionalisme Guru	93
2.10	Perubahan dan Komitmen Guru Dalam Perubahan Kurikulum	95
2.11	Mesyuarat Guru Mata Pelajaran	98
2.12	Penutup	102
3	METODOLOGI KAJIAN	103
3.1	Pengenalan	103
3.2	Reka Bentuk Kajian	103
3.3	Prosedur dan Lokasi Kajian	105
3.4	Populasi, dan Sampel Kajian	106
3.5	Instrumen Kajian	107
3.5.1	Soal Selidik	108
	3.5.1.1 Demografi Guru	108
	3.5.1.2 Soal Selidik Peringkat Keprihatinan	109
	3.5.1.3 Soal Selidik Tahap Penggunaan	110
3.5.2	Temu Bual	112
3.6	Kajian Rintis	113
3.7	Kesahan Soal Selidik	114
3.8	Kebolehpercayaan Soal Selidik	117
3.9	Kebolehpercayaan Soal Selidik Berdasarkan Kajian Lepas	118
3.10	Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian Kualitatif	120
3.11	Analisis Data	121

3.11.1 Analisis Statistik Deskriptif	121
3.11.2 Teknik Analisis Deskriptif 1	122
3.11.3 Teknik Analisis Deskriptif 2	122
3.11.3.1 Anova Satu Hala	128
3.11.3.2 Analisis Regresi Linear	128
3.11.4 Teknik Analisis Data Kualitatif	129
3.11.4.1 Penguarangan Data	129
3.11.4.2 Mempamerkan Data	129
3.11.4.3 Kesimpulan dan Pembuktian	130
3.12 Penutup	132
4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN	133
4.1 Pengenalan	133
4.2 Analisis Normaliti	133
4.2.1 Analisis Deskriptif Normal Peringkat Keprihatinan	135
4.2.2 Analisis Deskriptif Normal Tahap Penggunaan	136
4.3 Analisis Homogeniti	138
4.3.1 Analisis Homogeniti Peringkat Keprihatinan terhadap demografi	138
4.3.2 Analisis Homogeniti Tahap Penggunaan terhadap demografi	139
4.4 Analisis Deskriptif	139
4.4.1 Taburan Responden Mengikut Jantina	140
4.4.2 Taburan Responden Mengikut Masa Berhidmat	140
4.4.2 Taburan Responden Mengikut Pendidikan	141
4.4.2 Taburan Responden Mengikut Latihan	141
4.5 Deskripsi Pemboleh Ubah Kajian	142
4.5.1 Peringkat Keprihatinan Guru Dalam Melaksanakan KBIBS	142
4.5.1.1 Peringkat Keprihatinan Kesedaran	144
4.5.1.2 Peringkat Keprihatinan Maklumat	145

4.5.1.3	Peringkat Keprihatinan Peribadi	146
4.5.1.4	Peringkat Keprihatinan Pengurusan	147
4.5.1.5	Peringkat Keprihatinan Akibat	148
4.5.1.6	Peringkat Keprihatinan Kerjasama	149
4.5.1.7	Peringkat Keprihatinan Tumpuan Semula	150
4.5.2	Tahap Penggunaan Pendekatan Komunikatif	152
4.5.2.1	Tahap Penggunaan bukan Pengguna	153
4.5.2.2	Tahap Penggunaan Orientasi	155
4.5.2.3	Tahap Penggunaan Penyediaan	156
4.5.2.4	Tahap Penggunaan Mekanikal	157
4.5.2.5	Tahap Penggunaan Rutin	158
4.5.2.6	Tahap Penggunaan Penghalusan	159
4.5.2.7	Tahap Penggunaan Integrasi	160
4.5.2.8	Tahap Penggunaan Pembaharuan	161
4.5.2	Perbezaan Demografi Guru terhadap Tahap Penggunaan Pendekatan Komunikatif guru dalam melaksanakan KBIBS	166
4.6	Analisis Data Kualitatif	171
4.6.1	Perubahan Guru Pelaksanaan KBIBS	171
4.6.1.1	Pemahaman Guru Tentang KBIBS	172
4.6.1.2	Penglibatan Guru dalam Membangunkan KBIBS	174
4.6.1.3	Kelebihan KBIBS	176
4.6.1.4	Pembuatan Rancangan Pengajaran	178
4.6.1.5	Penggunaan Bahasa Inggeris Dalam Pembelajaran dan Pengajaran	180
4.6.1.6	Penilaian Yang Digunakan	181
4.6.2	Halangan Dalam Pelaksanaan KBIBS Dan Cara Mengendalikannya	184
4.6.2.1	Halangan Dalam Melaksanakan KBIBS	184
4.6.2.2	Mengendalikan Cabaran dalam Pelaksanaan KBIBS	186
4.6.2.3	Mencari Cara Yang Berkesan Dalam Pengajaran Bahasa Inggeris	188
4.6.2.4	Penggunaan Media Dalam Pengajaran	189

4.7	Kombinasi Dapatan Kuantitatif dan Kualitatif	192
4.8	Penutup	195
5	RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	196
5.1	Pengenalan	196
5.2	Rumusan Kajian	196
5.3	Perbincangan	198
5.3.1	Latar Belakang Responden	199
5.3.2	Peringkat Keprihatinan	200
5.3.3	Tahap Penggunaan Pendekatan Komunikatif	207
5.3.4	Cabaran Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Inggeris	217
5.3.5	Cabaran Pelaksanaan Pendekatan Komunikatif	221
5.3.6	Penggunaan Bahasa Indonesia (L1) Dalam Pembelajaran Bahasa Inggeris	223
5.3.7	Pembuatan Rancangan Pengajaran	228
5.3.8	Penilaian	230
5.4	Implikasi Kajian	232
5.4.1	Implikasi Kepada Model	232
5.4.2	Implikasi Kepada pengetua	235
5.4.3	Implikasi Kepada Guru	236
5.5	Kesimpulan Kajian	237
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	240
5.7	Penutup	241
	RUJUKAN	242
	Lampiran A-Z	267-338

SENARAI JADUAL

JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Kedudukan Keprihatinan Tentang Inovasi (Hall & Hall, 1987)	63
2.2	Peringkat Keprihatinan	67
2.3	Takrifan Setiap Peringkat Keprihatinan	68
2.4	Indeks Kelakuan Tahap Penggunaani	69
3.1	Item Peringkat Keprihatinan	110
3.2	Penilaian Diri (Hall et al., 1987)	111
3.3	Item Soal Selidik Tahap Penggunaan Pendekatan Komunikatif	112
3.4	Pernyataan Soal Selidik Peringkat Keprihatinan Yang telah diubahsuai	115
3.5	Pernyataan Soal Selidik Tahap Penggunaan yang telah diubahsuai	116
3.6	Kebolehpercayaan Soal Selidik Peringkat Keprihatinan	118
3.7	Interpetasi Nilai Alpha Cronbach	119
3.8	Kebolehpercayaan Item Soal Selidik	120
3.9	Analisis Kajian	131
4.1	Analisis Deskriptif Normal bagi Peringkat Keprihatinan	136
4.2	Analisis Normal Kolmogorov-Smirnov bagi Peringkat Keprihatinan Gurui	136
4.3	Analisis Deskriptif Normal Bagi Tahap Penggunaan Pendekatan Komunikatif	138

4.4	Analisis Normal bagi Kolmogorov-Smirnov bagi Tahap Penggunaan Pendekatan Komunikatif	138
4.5	Analisis Homogeniti Peringkat Keprihatinan Terhadap Demograpi	139
4.6	Analisis Homogeniti Tahap Penggunaan Terhadap Demograpi	139
4.7	Taburan Responden Mengikut Jantina	140
4.8	Taburan Responden Mengikut Masa Berhikmat	140
4.9	Taburan Responden Mengikut Pendidikant	141
4.10	Taburan Responden Mengikut Latihan	141
4.11	Taburan Responden Mengikut Peringkat Keprihatinan	
	Deskripsi Item Peringkat Keprihatinan Kesadaran	142
4.12	Deskripsi Item Peringkat Keprihatinan Maklumat	144
4.13	Deskripsi Item Peringkat Keprihatinan Peribadi	145
4.14	Deskripsi Item Peringkat Keprihatinan Pengurusan	146
4.15	Deskripsi Item Peringkat keprihatinan Akibat	
	Deskripsi Item Peringkat keprihatinan Kerja Sama	147
4.16	Deskripsi Item Peringkat keprihatinan Tumpuan Semula	148
4.17	Deskripsi Peringkat Keprihatinan	
	Taburan Responden Mengikut Tahap Penggunaan	149
4.18	Deskripsi Item Tahap penggunaan bukan pengguna	
	Deskripsi Item Tahap penggunaan	150
4.19	Orientasi	151
4.20	Deskripsi Item Tahap penggunaan	152
4.21	Penyediaan	
	Deskripsi Item Tahap penggunaan	154
4.22	Mekanikal	
	Deskripsi Item Tahap penggunaan	155
4.23	Rutin	
	Deskripsi Item Tahap penggunaan	156
4.24	Penghalusan	
	Deskripsi Item Tahap penggunaan	157
4.25	Penghalusan	

	Deskripsi	Item	Tahap	penggunaan	158
4.26	Pembaharuan				
	Deskripsi Tahap Penggunaan				159
4.27	Analisis Anova mengikut Jantina terhadap			Peringkat	
4.28	Keprihatinan				160
	Analisis Anova mengikut Pendidikan terhadap			Peringkat	
4.29	Keprihatinan				161
	Analisis Anova mengikut Latihan terhadap			Peringkat	
4.30	Keprihatinan				162
	Analisis Anova mengikut Masa Berhidmat terhadap				163
4.31	Peringkat Keprihatinan				
	Analisis Anova mengikut Jantina terhadap			Tahap	
4.32	Penggunaan				164
	Analisis Anova mengikut Pendidikan terhadap			Tahap	
4.33	Penggunaan				165
	Analisis Anova mengikut Latihan terhadap			Tahap	
4.34	Penggunaan				166
	Analisis Anova mengikut Masa Berhidmat terhadap			Tahap	
4.35	Penggunaan				167
	Dapatan Analisis Regresi Kesan Peringkat Keprihatinan				168
4.36	terhadap Tahap Penggunaan Pendekatan Komunikatif				
	Dapatan Analisis Regresi Kesan Peringkat Keprihatinan				169
4.37	terhadap Tahap Penggunaan Pendekatan Komunikatif				
	Profil responden Temubual				170
4.38	Rumusan Dapatan Kualitatif Halangan dalam Pelaksanaan				171
4.39	KBIBS				
	Rumusan Dapatan Kualitatif Halangan dalam Pelaksanaan				171
4.40	KBIBS				
	Kombinasi dapatan Kuantitatif dan Kualitatif				172
4.41	Rumusan dapatan Kualitatif Guru dalam Pelaksanaan KBIBS				183
4.42	Rumusan dapatan Kualitatif Halangan dalam Pelaksanaan				
	KBIBS				191
4.43	Kombinasi dapatan Kuantitatif dan Kualitatif				193

SENARAI RAJAH

RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Teori Kajian	21
1.2	Kerangka Konsep Kajian	23
3.1	Reka Bentuk Kajian Cresswell dan Clark (2011)	105
4.1	Persentil Umum Peringkat Keprihatinan guru dalam melaksanakan KBIBS	143
4.2	Persentil Umum Tahap Penggunaan Pendekatan Komunikatif guru dalam melaksanakan KBIBS	153
5.1	Peringkat Keprihatinan	200
5.2	Tahap Penggunaan	208
5.3	Kerangka Pelaksanaan KBIBS Di Sekolah Menengah	234

SENARAI SINGKATAN

ANOVA	-	Analysis Of Varians
ASEAN	-	Association SouthEast Asia Nation
BNSP	-	Badan Standard Nasional Pendidikan
CBAM	-	Concern Based Adaption Model
CLT	-	Communicative Language Teaching
Depdikbud	-	Departemen Pendidikan dan Kebudayaan
Depdiknas	-	Departemen Pendidikan Nasional
Diknas		Pendidikan Nasional
EFL		English as a Foreign Language
KBK		Kurikulum Berasaskan Kompetensi
KBS		Kurikulum Berasaskan Sekolah
KBIBS		Kurikulum Bahasa Inggeris Berasaskan Sekolah
KTSP		Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan
LPMP		Lembaga Penjamin Mutu Pendidikan
LoU		Level of Use
MGMP		Mesyuarat Guru Mata Pelajaran
PBK	-	Pembelajaran Bahasa Komunikatif
Permen	-	Peraturan Menteri
Permendiknas	-	Peraturan Menteri Pendidikan Nasional
PP	-	Peraturan Pemerintah
SISDIKNAS	-	Sistim Pendidikan Nasional
SD		Sekolah Dasar
SMP	-	Sekolah Menengah Pertama
SMA	-	Sekolah Menengah Atas
SMK		Sekolah Menengah Kejuruan

SNP	-	Standard Nasional Pendidikan
SoC	-	Stage of Concern
SPSS	-	Statistical Package for Social Science
TESOL	-	Teaching English as a Second Language
TEFL	-	Teaching English as a Foreign Language
UU	-	Undang-Undang
UURI	-	Undang Undang Republik Indonesia
UNDP		United Nation Development Program
UN		Ujian Nasional
UKG		Uji Kompetensi Guru

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan Daripada Pemerintah Provinsi Sulawesi Selatan	267
B	Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan Daripada Universiti Teknologi Malaysia	268
C	Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan Daripada Pemerintah Jeneponto	269
D	Surat Kebenaran Telah Menjalankan Penyelidikan Daripada Pemerintah Jeneponto	270
E	Senarai Sekolah lokasi Penelitian	271
F	Surat kebenaran Menggunakan Soal Selidik	273
G	Pengesahan Soal Selidik	281
H	Terjemahan Soal Selidik	283
I	Instrumen Soal Selidik	285
J	Soalan Temu Bual	291
K	Lampiran Rencana Pelaksanaan Pembeajaran	292
L	Uji Normaliti SPSS	319
M	Kajian Rintis	331

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kurikulum Bahasa Inggeris Berasaskan Sekolah telah diperkenalkan pada tahun 2006 oleh Kementerian Pendidikan Indonesia. Pengetua sekolah, para guru dan juga pihak-pihak yang berkepentingan mempunyai masa yang cukup untuk melaksanakannya dan mengambil kira aspek positif dan kekangan dalam konteks masing-masing. Dalam pelaksanaan kurikulum ini, guru mengalami perubahan radikal dari segi peranan dan tugas, yakni guru bukan hanya berperanan sebagai pelaksana tetapi juga sebagai seorang pembangun, perekabentuk dan penilai kurikulum untuk memastikan kurikulum ini terlaksana. Paradigma baru ini memerlukan guru-guru berkeelayakan yang mampu untuk menentukan bahan-bahan pelajaran dan kaedah pengajaran mereka sendiri serta membuat penilaian yang bersesuaian untuk pelajar-pelajar mereka. Oleh itu, guru akan menjadi lebih fleksibiliti dan akauntabiliti dalam memindahkan kurikulum ke peringkat bilik darjah. Peranan baru ini memerlukan tahap kepakaran yang lebih tinggi dalam membuat keputusan yang hendak dilaksanakan di bilik darjah (Basikin, 2008; Sutrisno, 2007; Kimpston dan Anderson, 1986).

Perubahan radikal terhadap peranan guru dalam pelaksanaan kurikulum ini, berkait rapat dengan perubahan tanggungjawab seorang guru dalam menyediakan bahan-bahan pelajaran dan jangka masa untuk mereka lakukan tugas (Basikin, 2008). Berbeza dalam pelaksanaan Kurikulum Bahasa Inggeris pada tahun 1975 dan 1994, guru-guru telah disediakan dengan garis panduan yang terperinci melalui bahan-bahan tentang bagaimana mereka mengajar, kaedah pengajaran yang mereka

perlu mengaplikasikan dan membentuk taksiran tentang tindakan guru di dalam bilik darjah.

Pada masa sekarang, kurikulum yang sedia ada memberi mandat kepada guru untuk melaksanakan proses pengajaran menggunakan cara mereka sendiri. Guru perlu mempunyai kebolehan untuk merekabentuk dan menyesuaikan bahan-bahan pelajaran dengan teknik pengajaran, kaedah dan bentuk taksiran. Seorang guru perlu membangunkan kurikulum sendiri, menyesuaikan teknik dan kaedah untuk memenuhi permintaan dan keperluan pelajar-pelajar berdasarkan potensi yang ada pada mereka. Walaubagaimanapun, sebahagian guru menganggap peranan baru ini sebagai beban dan merasakan amalan ini tidak menjanjikan sesuatu yang berguna untuk mereka. Perubahan suasana akademik menjadi lebih bebas berbanding sebelum ini yang hanya bergantung kepada garis panduan yang telah disediakan oleh pihak kerajaan. Ini secara tidak langsung menjadi cabaran kepada guru-guru di negara ini.

Perubahan kurikulum merangkumi perubahan konsep pelaksanaannya dan kebanyakannya dipengaruhi oleh kesedaran guru itu sendiri untuk melaksanakan perubahan itu.(Ekiz, 2004). Seterusnya kejayaan dalam proses pendidikan pula ditentukan oleh kaedah-kaedah yang digunakan dalam aktiviti pembelajaran dan pengajaran. Banyak faktor yang menentukan kualiti sekolah, rumusan dari pelbagai laporan kajian tentang kualiti dan keberkesanan pengajaran guru menunjukkan bahawa guru mempunyai pengaruh yang sangat dominan terhadap pencapaian pembelajaran pelajar (ACE, 1999; OECD, 2005; Greer, 2002). Keberkesanan proses P&P yang disokong oleh kecekapan yang merupakan penggerak utama dalam mengekalkan daya saing dan perubahan positif (Gurney, 2007; Hong, 2003; Vathanophas dan Thai-ngam, 2007). Pandangan ini selaras dengan Fullan (1998) bahawa guru memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan pelaksanaan kurikulum baru ini kerana mereka adalah individu yang melaksanakan kurikulum tersebut di dalam kelas. Oleh itu, untuk menilai perubahan kurikulum yang dijalankan, penilaian mestilah melibatkan guru yang melakukan perubahan dalam situasi konteks semasa.

Dalam konteks pelaksanaan KBIBS 2006, adalah perlu untuk mengkaji peringkat keprihatinan dan tahap penggunaan pendekatan komunikatif yang

digunakan oleh guru Bahasa Inggeris dalam melaksanakan KBIBS dengan menggunakan Model Adaptasi Berasaskan Keprihatinan, seperti mana dicadangkan oleh Marsh dan Willis (2003,2007). Model Adaptasi Berasaskan Keprihatinan digunakan untuk mengukur aktiviti-aktiviti para guru dalam melaksanakan kurikulum baru ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Sistem pendidikan Indonesia mengalami perubahan daripada sistem pendidikan berpusat kepada pembahagian kuasa pendidikan kepada kerajaan daerah yang dipanggil desentralisasi atau autonomi daerah. Langkah ini diambil selaras dengan pelaksanaan pelbagai urusan kerajaan termasuklah pembinaan kurikulum. Langkah ini melibatkan Kurikulum Berasaskan Kompetensi pada tahun 2004 digubal kepada Kurikulum Berasaskan Sekolah (KBS) tahun 2006. Keseluruhan kurikulum yang wujud sebelum proses perubahan telah disusun oleh Kementerian Pendidikan Nasional. Selepas pelaksanaan autonomi daerah, kerajaan pusat sepenuhnya menyusun kerangka utama yang menjadi panduan kepada guru-guru dalam penyusunan kurikulum, ini dikenali sebagai piawaian nasional. Seterusnya Kurikulum Berasaskan Sekolah direkabentuk dan dibangunkan serta dilaksanakan oleh setiap sekolah di Indonesia berdasarkan kepada piawaian nasional yang telah ditetapkan. Piawaian ini merujuk kepada kandungan piawaian dan kompetensi sekolah itu sendiri. Antara objektif pengubahsuaian peranan perancangan kurikulum ini adalah untuk memastikan pihak kerajaan dan pihak sekolah termasuk guru-guru dan anggota masyarakat dapat membina kurikulum yang sesuai untuk digunakan dalam pelajaran di sekolah. Dalam konteks Kurikulum Bahasa Inggeris Berasaskan Sekolah (KBIBS) kesesuaiannya diselaraskan dengan situasi daerah melalui penggunaan kaedah yang tepat. Tujuannya adalah untuk mempermudah dan meningkatkan keberkesanan pembelajaran dan pengajaran bahasa Inggeris di kalangan pelajar.

KBIBS 2006 sentiasa diusahakan bagi mempertingkatkan kualiti pendidikan. Usaha ini dilakukan melalui kaedah pembelajaran dan pengajaran yang selari dengan keperluan tempatan, nasional dan global. Kompetensi pembelajaran yang diingini adalah gabungan ilmu pengetahuan, kemahiran dan kebolehan di mana pelajar

dijangkakan boleh memahami dan menggunakannya dalam kehidupan seharian. Ianya diperolehi dengan menggabungkan pelbagai bentuk pengalaman pembelajaran. Selain itu juga, guru-guru dapat mengenalpasti pelbagai kebolehan pelajar, kemudahan pembelajaran yang tersedia dan kepelbagaian budaya di segenap rantau negara. Usaha kerajaan untuk mempertingkatkan kualiti pendidikan mempunyai kaitan dengan sekolah yang memerlukan kompetensi yang tinggi dalam persaingan peringkat global dan perlu dilakukan secara berterusan.

Pembangunan Kurikulum Berasaskan Sekolah yang merangkumi kurikulum bahasa Inggeris adalah fenomena baru bagi komuniti di sekolah, kerana penggunaan kurikulum berpusat adalah diwajibkan oleh kerajaan sejak Indonesia mengisytiharkan kemerdekaan pada tahun 1945. Pada peringkat awal, terdapat halangan yang dihadapi dalam proses pelaksanaan, iaitu terdapat beberapa buah sekolah tidak dapat melaksanakan sepenuhnya apa yang telah ditetapkan oleh kerajaan iaitu mewujudkan kurikulum mereka sendiri yang berkait rapat dengan keperluan pelajar. Perubahan peranan sekolah dari pelaksanaan kurikulum kepada penggerak kurikulum telah menimbulkan kekeliruan kepada komuniti sekolah, oleh yang demikian, amat penting bagi pihak sekolah untuk meningkatkan keupayaan komuniti sekolah dalam menganalisis keadaan dan keperluan pelajar serta mengaplikasikannya dalam kurikulum (Firman dan Tola, 2008).

Laporan semasa kerajaan Indonesia (Diknas, 2008), mengenai pelaksanaan Kurikulum Berasaskan Sekolah (Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan) di Indonesia menyatakan bahawa berdasarkan pengalaman beberapa sekolah perintis di peringkat wilayah, daerah dan sekolah ditemui ketidakjelasan terutamanya pelaksanaan yang berkaitan dengan bagaimana guru berinteraksi dengan dasar kurikulum di dalam bilik darjah, merancang dan membangunkan program pembelajaran; melaksanakan dan menguruskan proses pengajaran dan pembelajaran; mentafsir keputusan penilaian untuk meningkatkan kualiti program pembelajaran; mendiagnosis sebarang masalah pembelajaran dan merekabentuk strategi untuk membantu pelajar yang menghadapi masalah.

Beberapa kajian mengenai pelaksanaan Kurikulum Berasaskan Sekolah 2006 di Indonesia (Hary & Burhanuddin, 2008; Sutrisno, 2008; Suharto, 2009; Heyward,

2010; Karim & Abdul Rahim, 2011; Machmud, 2011; Mumpuni, 2011; Wati, 2011; Alwasilah, 2013 ; Mustafa & Hamied, 2014) kebiasaannya menyatakan bahawa ia nampaknya tidak berjalan dengan baik disebabkan oleh beberapa faktor seperti kurang memahami pendekatan komunikatif dalam pengajaran bahasa, kecekapan pengajaran guru yang rendah, tempoh masa yang lama untuk membangunkan bahan pengajaran untuk keperluan tempatan, serta tiada maklumat terperinci tentang kurikulum berasaskan sekolah yang diperlukan oleh guru-guru. Sehubungan dengan itu, guru-guru agak keliru dan tidak memahami apa yang dimaksudkan oleh kecekapan komunikatif dan bagaimana untuk membangunkan bahan yang bersesuaian dengan konteks mereka sendiri (Suharto, 2009). Heyward (2009) melakukan kajian tentang bagaimana guru-guru, pengetua, penyelia menterjemahkan KBIBS di dalam bilik darjah sekolah di Daerah Maluku Utara dan kesan budaya terhadap reformasi sekolah. Beliau telah mendapati bahawa perubahan adalah dominan pada peringkat permukaan, pelbagai kekangan dalam meletakkan dasar ke dalam amalan tempatan. Seterusnya, Pengetua masih menunggu arahan dari peringkat. Ia juga melaporkan tentang peranan penting nilai-nilai budaya yang perlu dibaiki dalam pendidikan.

Mumpuni (2010) telah mengkaji persepsi 30 orang guru Bahasa Inggeris terhadap pelaksanaan Kurikulum Berasaskan Sekolah di daerah Batam mendapati bahawa terdapat beberapa cabaran tertentu dalam pelaksanaan kurikulum yang berkaitan dengan peranan guru. Mereka tidak mampu untuk menguruskan bahan pembelajaran yang sesuai untuk satu tempoh pengajaran-pembelajaran, mereka juga tidak mampu mewujudkan pelbagai tugas pengajaran, dan kekurangan kemudahan sekolah yang menyokong Kurikulum Berasaskan Sekolah. Kamil dan Sheikh Ahmad (2011) mengkaji pendapat guru Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Asing di sekolah menengah Indonesia terhadap Pembangunan Kurikulum Berasaskan Sekolah, dan mengkaji amalan mereka dalam membangunkan sukatan pelajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa asing. Kajian ini mendapati bahawa peserta mempunyai pendapat yang berbeza tentang pembangunan Kurikulum Berasaskan Sekolah. Sebahagian daripada mereka seolah-olah telah mengetahui sebahagian langkah-langkah pembangunan sukatan pelajaran, manakala yang lain lebih cenderung untuk melihat isu itu sebagai tidak relevan. Pembangunan sukatan pelajaran kebanyakannya telah diamalkan sebagai penyesuaian sukatan pelajaran atau pengangkatan. Dalam pelaksanaan kurikulum, guru-guru menghadapi masalah kekurangan kefahaman dan kemahiran

dalam membangunkan sukatan pelajaran, beban kerja dan kekangan masa, ketiadaan media yang mencukupi, dan halangan untuk mengubah amalan dalam pembangunan sukatan pelajaran yang sebelum ini.

Menurut Karim dan Abdul Rahim (2011), kekangan pengajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa asing ditemui dalam pelaksanaan Kurikulum Bahasa Inggeris Berasaskan Sekolah yang merangkumi perkara seperti kekangan untuk mengenalpasti perbezaan pelajar, kekangan ke atas bahan-bahan pembelajaran, kekangan ke atas aktiviti bilik darjah, kekangan pada kaedah pengajaran dan kekangan kepada penilaian berbahasa. Pelaksanaan Kurikulum Bahasa Inggeris Berdasarkan Sekolah 2006 seperti yang ditegaskan oleh Sutrisno (2008) yang melakukan penyelidikan mengenai pelaksanaan KBIBS di daerah Jambi, melaporkan bahawa kurikulum tidak disambut dengan baik oleh warga pendidik. Terdapat banyak pendapat bahawa kurikulum baru adalah berbeza dari yang sebelumnya. Pendapat ini mencipta keengganan dan penolakan psikologi kepada perubahan kurikulum yang telah menghabiskan banyak masa, kewangan dan tenaga, dan memerlukan satu proses yang panjang.

Machmud (2011) mengkaji masalah dan cabaran dalam pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Asing (*English as Foreign Language*) di Gorontalo, Indonesia dari dua kes utama. Pertamanya adalah pelaksanaan Kurikulum Berasaskan Sekolah, kedua ialah integrasi teknologi dalam pengajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa asing. Pelaksanaan Kurikulum Berasaskan Sekolah dalam pengajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa asing, guru bahasa Inggeris di Gorontalo menghadapi cabaran dalam melaksanakan Kurikulum Berasaskan Sekolah kerana kekurangan pemahaman tentang kurikulum baru. Tambahan pula mereka memiliki akses yang terhad kepada kemudahan pendidikan di Gorontalo, yang wujud daripada pembangunan yang tidak sama rata di Indonesia. Bengkel latihan pembangunan profesional yang memberi tumpuan kepada proses meningkatkan pengetahuan guru-guru dan meningkatkan fungsi menyelia disyorkan untuk membantu mengurangkan cabaran-cabaran tersebut. Berkenaan kes integrasi teknologi dalam pengajaran bahasa Inggeris, cabaran yang dihadapi oleh mereka bukan sahaja setakat dalam mengintegrasikan teknologi ke dalam pengajaran bahasa Inggeris tetapi juga cabaran untuk memberi pemahaman kepada guru-guru atau tenaga pengajar tentang bagaimana cara-cara untuk menggunakan teknologi dalam pengajaran bahasa Inggeris mengikut piawaian

nasional. Oleh itu, beliau mencadangkan untuk menyediakan teknologi yang lebih sesuai di dalam kelas, guru perlu diberi latihan teknikal dan pembangunan profesional untuk melaksanakan teknologi baru ini dalam Kurikulum Berasaskan Sekolah.

Daripada beberapa kajian sebelum ini, terdapat beberapa masalah yang timbul dalam pengajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa asing dalam persekolahan formal di Indonesia. Faktor-faktor yang jelas menyumbang kepada masalah ini berlanjutan adalah perubahan kurikulum dan pendekatan, kelas yang besar dan penguasaan bahasa Inggeris sangat lemah di kalangan guru-guru sekolah (Nur, 2000; Darmowijoyo, 2000; Yuwono, 2005; Alwasilah, 2011). Menurut Mustafa (2001), antara faktor lain yang menyumbangkan kepada masalah ini adalah masa yang terhad diperuntukkan untuk pengajaran Bahasa Inggeris, pelajar tidak mempunyai masa yang cukup untuk benar-benar belajar faktor untuk bertutur dalam Bahasa Inggeris di dalam kelas kerana guru lebih menumpukan kepada pengajaran tatabahasa dan sintaksis, ketiadaan bahan-bahan pembelajaran yang baik dan sah, dan juga kurangnya penggunaan Bahasa Inggeris di luar kelas. Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa asing di peringkat persekolahan penuh dengan masalah terutama kerana terdapat kekurangan guru yang berkelayakan secara akademik untuk menyokong pelaksanaan polisi ini (Alwasilah 2011) .

Masalah dalam menyediakan kurikulum bahasa Inggeris sebagai bahasa asing dalam situasi desentralisasi di Indonesia adalah guru masih belum mempunyai autonomi dan belum bersedia (Lie, 2007). Guru amnya mempunyai kesukaran untuk merancang kurikulum, sukatan pembelajaran dan pelan pelajaran dengan mempertimbangkan dan memasukkan potensi tempatan dari perspektif keperluan pemerintah daerah, keperluan dan ciri-ciri pelajar tempatan, dan pelbagai ciri-ciri lain tempatan khususnya dari masyarakat. Untuk mengembangkan kurikulum, seperti yang disimpulkan oleh Sten (1992), guru harus terlibat langsung kerana mereka tahu keadaan sebenar yang berlaku dan diperlukan dalam kelas. Dalam merancang sukatan pembelajaran dan pelan pelajaran perlu mempertimbangkan keperluan, potensi pelajar, keperluan tempatan, dan persekitaran (Sten, 1992; Depdiknas KTSP, 2006). Kesimpulannya, kegiatan dalam kelas harus berasaskan pada pembelajaran berpusat pada pelajar, walaupun pada kenyataannya, guru hanya fokus pada pencapaian tujuan belajar tanpa mempertimbangkan keperluan pelajar dan faktor-faktor penting yang

terlibat. Pelajar suka atau tidak suka kepada sesi pembelajaran, pencapaian tujuan diutamakan. Proses kegiatan yang berorientasikan seperti yang disarankan dalam kurikulum berasas sekolah diabaikan walaupun proses belajar dan mengajar menjadi orientasi penting dari setiap kegiatan untuk mempertingkatkan kemahiran pelajar khususnya dalam bahasa Inggeris. Peningkatan kemampuan pelajar sebahagian besar bergantung pada kegiatan yang sesuai dalam sukatan dan perancangan pelajaran yang melibatkan proses belajar dan mengajar.

Seterusnya guru masih merasa sukar untuk merialisasikan sukatan dan rancangan pelajaran mereka. Mereka juga masih keliru dalam melaksanakan sukatan dan rancangan pelajaran dalam belajar bahasa Inggeris sebagai bahasa asing. Keadaan ini membuktikan bahawa reformasi pendidikan belum boleh mencapai tujuan jika rancangan desentralisasi di bidang pendidikan sukar untuk difahami dan dijalankan (Bjork, 2004). Ini menunjukkan bahawa kurikulum tidak hanya dihasilkan, tetapi juga dilaksanakan dan dipantau sama ada berjaya ataupun gagal. Oleh itu pelaksanaan pengajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa asing di Indonesia tidak mencapai tujuan kurikulum berasas sekolah secara maksimum. Seiring dengan menerapkan kurikulum berasaskan sekolah khususnya kurikulum bahasa Inggeris yang lebih menekankan pada pendekatan berpusat kepada pelajar-pelajar, Richards dan Rodgers (2001) menyatakan bahawa belajar bahasa akan lebih berkesan apabila kurikulum diperbaiki, sukatan pembelajaran, bahan pelajaran, dan aktiviti, dan lebih menekankan pada autonomi pelajar.

Secara umumnya, kualiti pendidikan termasuk subjek Bahasa Inggeris di Indonesia adalah rendah (Adnan, 2006; Kickpatrik, 2007). Kegagalan pengajaran Bahasa Inggeris di Indonesia seperti yang ditegaskan oleh Bladford (2007) bahawa ia dipengaruhi oleh kelayakan dan kebajikan guru yang rendah, kapasiti pelajar yang tinggi dalam satu kelas dan motivasi pelajar. Beberapa kajian yang lain sebelum reformasi sekolah dan bilik darjah di Indonesia (seperti Werf et al, 2000; Semiawan, 2001; Bjork, 2003 dan Utomo, 2005) umumnya menyerlahkan kekurangan kejayaan dalam mengubah amalan semasa dan pembaharuan di Indonesia adalah gagal untuk mencapai peringkat perubahan yang mendalam di dalam kelas. Realiti ini telah berkali-kali berlaku dalam sejarah usaha reformasi di Indonesia sejak dua puluh tahun

terakhir atau lebih dan guru biasanya cenderung untuk dipersalahkan kerana kegagalan ini (Heyward, 2009).

Dalam melaksanakan KBIBS, guru dijangkakan boleh menyesuaikan bahan, teknik dan kaedah di dalam kelas kerana guru merupakan individu yang mengetahui persekitaran iaitu keadaan sebenar dan situasi para pelajar di dalam bilik darjah. Bagi membawa tugas ini ke dalam amalan, ia memerlukan kreativiti, fleksibiliti, kepakaran dan pengetahuan luas untuk menterjemahkan dokumen kurikulum di peringkat bilik darjah. Peranan yang beralih adalah satu cabaran untuk guru Bahasa Inggeris dan membuatkan kebanyakan mereka berasa bimbang kerana mereka perlu menjalankan amalan mereka dengan paradigma lama (Mattarima dan Abdul Rahim, 2011). Kompetensi guru Bahasa Inggeris yang rendah juga didedahkan oleh Wati (2011), bahawa sejumlah besar guru-guru Bahasa Inggeris tidak cukup bersedia untuk mengajar Bahasa Inggeris dengan baik. Ini bermakna mereka sukar dan kurang keupayaan untuk merekabentuk, membangun dan melaksanakan kurikulum mereka sendiri sedangkan mereka telah mengikuti beberapa latihan pembangunan kurikulum yang dianjurkan oleh kerajaan. Masalah ini bukan sahaja dialami oleh guru baru tetapi juga oleh guru yang sudah lama berkhidmat.

Pada sudut pandangan guru-guru dan tenaga pengajar pelaksanaan Kurikulum Berasaskan Sekolah (KBS) 2006 merangkumi KBIBS adalah berbeza. Diantaranya, masih ramai yang menganggap bahawa KBS berbeza dengan kurikulum sebelumnya iaitu Kurikulum Berbasis Kompetensi. Tanggapan ini yang menimbulkan sikap keutamaan dan penolakan terhadap perubahan (Sutrisno dan Nuryanto, 2008). Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk mengukur peringkat keprihatinan guru dalam melaksanakan KBIBS dan tahap penggunaan pendekatan komunikatif oleh guru-guru sekolah menengah awal dalam melaksanakan KBIBS dengan menggunakan Model Adaptasi Berasaskan Keprihatinan (MABK). MABK adalah salah satu model utama yang memberi bukti dan membekalkan perihal tentang perasaan dan perlakuan guru terhadap program dan amalan baru (Hord-Hosley, 1998). Seterusnya model tersebut akan menggambarkan tentang sifat, proses perkembangan dan emosi yang diharungi guru semasa terlibat dalam sesuatu yang baru dan berbeza (Antony, 2008). Model ini telah digunakan dalam pelbagai penyelidikan dan diterima secara meluas dalam penyelidikan pendidikan dan ia mengekalkan fokus peserta dalam memahami sikap,

persepsi, pemikiran dan pertimbangan Individu ke arah pelaksanaan perubahan (Adams, 2002; Ansah & Johnson, 2003)

KBIBS telah diperkenalkan selama sembilan tahun dibandingkan dengan tarikh kajian ini, tetapi adalah sukar untuk mengatakan sama ada perubahan kurikulum ini telah berjaya dilaksanakan kerana terdapat sedikit sahaja penilaian dijalankan. Walau bagaimanapun, dari sosialisasi kerajaan menerusi seminar, program latihan dalam perkhidmatan, boleh dikatakan bahawa kebanyakan guru-guru telah melaksanakan KBIBS 2006 di landasan yang betul. Oleh itu kajian ini dilaksanakan untuk mengukur peringkat keprihatinan dalam melaksanakan KBIBS dan tahap penggunaan komunikatif guru sekolah menengah awal dengan mengunakan Model Adaptasi Berasaskan Keprihatinan. Ia juga akan memahami masalah yang dihadapi oleh guru-guru dalam melaksanakan KBIBS 2006.

1.3 Penyataan Masalah

Pelaksanaan kurikulum bahasa Inggeris berasaskan sekolah dan pembelajaran dan pengajaran bahasa Inggeris di Indonesia telah banyak dikaji (Machmud 2011; Alwasilah 2013; Musthafa & Hamied, 2014). Sejumlah kajian meningkatkan kesedaran kita tentang pentingnya peranan guru dalam pelaksanaan perubahan kurikulum. Secara khususnya, beberapa bukti dari kajian lepas juga melaporkan sokongan kuat tentang pengaruh positif guru terhadap pelaksanaan kurikulum baru yang berjaya (McNeil, 1990; Altrichter and Salzgeber, 2000; Apple, 2004 Fullan, 2007; Marsh and Willis, 2007; Kelly , 2009; Null ,2011; Carl, 2012; Slattery, 2013).

Pelbagai masalah timbul dari pelaksanaan kurikulum telah diakui sebagai masalah yang tidak dapat dielakkan, dan oleh itu pelaksanaan kurikulum ini adalah lebih sukar daripada apa yang dijangkakan (Gross, *et al.* 1971 ; Fullan, 1977, 2001, 2007, 2011; Brindey & Hood, 1990; Fullan & Stiegelbaur, 1991; Goodson, 2001 Smith & Southerland 2007; Mata, 2010; Chang, 2011). Halangan yang timbul dalam pelaksanaan adalah dari pihak berkepentingan yang utama, iaitu guru (Nisbet dan Collinns, 1978; Moris, 1985; William *et.al*, 1994). Perubahan yang dilaksanakan

mungkin dilihat secara berbeza atau negatif oleh guru (Karakas-Doukas, 1995), atau melihat kurikulum yang disemak semula dengan baik tetapi tidak dalam mengintegrasikan inovasi atau perubahan kurikulum dalam pengajaran bilik darjah harian mereka atas sebab-sebab yang tertentu (Beretta, 1990; Gahin dan Myhill, 2001; Wang, 2010). Halangan lain kepada pelaksanaan adalah kefahaman yang jelas dan inovasi tidak pernah melibatkan guru (Gross, *et. al.*, 1971). Dengan itu, beberapa aspek perubahan kurikulum, sebagaimana yang dikatakan oleh Fullan dan Stigelbauer (1991) sentiasa disalah tafsir oleh masyarakat. Bagi melaksanakan perubahan kurikulum dengan jayanya, Charles (1998) menyatakan bahawa guru yang harus memiliki konsep yang jelas dan amalan perubahan yang disyorkan. Fullan (2007) menegaskan tiga faktor kejayaan utama yang mempengaruhi kejayaan melaksanakan perubahan adalah: pengetahuan tentang perubahan kurikulum, kemahiran guru dalam melaksanakan perubahan kurikulum dan sikap guru terhadap perubahan.

Para pengkaji dalam bidang perkembangan kurikulum (seperti Badaraco & Ellsworth, 1989; Fullan, 1992; Pratt, 1994) telah mengenal pasti beberapa isu yang menjadi halangan dan rintangan dalam pelaksanaan perubahan kurikulum yang berkesan. Antara halangan tersebut adalah sikap sesetengah guru yang sememangnya suka berkonfrontasi dengan pihak sekolah walaupun kemudahan yang diperlukan telah pun dipenuhi oleh pihak pentadbiran sekolah (Badaraco & Ellsworth, 1989). Fullan dan Miles (1992) berpendapat antara masalah dalam pelaksanaan inovasi adalah apabila wujud perasaan bimbang, konflik, rasa tidak tenteram dan kesukaran guru untuk menukar amalan sedia ada kepada amalan yang baru.

Dapatan kajian dalam tempoh tiga dekad yang lalu menekankan kepentingan menyiasat tindak balas guru ke arah perubahan pendidikan. Justeru, terdapat sedikit bukti penyelidikan tentang bagaimana guru-guru melaksanakan sebuah perubahan kurikulum. Kurangnya pemerhatian yang diberikan untuk pelaksanaan, penganalisis dasar cenderung untuk membentangkan apa yang berlaku kepada guru-guru dan kemudian meninggalkan masalah pelaksanaan kepada mereka (Cohen, 2004). Wang dan Cheng (2005) menunjukkan kepentingan menyiasat apa yang berlaku semasa proses pelaksanaan. Oleh itu, dalam ketiadaan bukti, terutamanya dalam sistem pendidikan desentralisasi, terdapat keperluan untuk mengkaji peringkat keprihatinan

(*stage of concern*) dan tahap penggunaan (*level of use*) guru secara imperikal tentang proses pelaksanaan, termasuk konteks semasa perubahan berlaku.

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, dalam melaksanakan Kurikulum Bahasa Inggeris Berasaskan Sekolah 2006, kajian sebelumnya (Firman dan Tola, 2008; Sutrisno, 2008 ; Heyward, 2009; Suharto, 2009; Mumpuni, 2010; Kamil dan Syech Ahmad, 2011; Karim dan Abdul Rahim 2011; Machmud 2011; Alwasilah 2013; Musthafa & Hamied, 2014) umumnya hanya memberi tumpuan kepada penerangan tentang cabaran dan kegagalan pelaksanaan kurikulum, tanpa penjelasan yang mendalam. Mereka menjelaskan dengan hujah yang tidak dapat dielakkan dalam konteks pendidikan di Indonesia, iaitu dasar kerajaan, masa yang terhad, kelas yang besar dan kekurangan kemudahan. Mereka hanya menjelaskan tentang guru-guru yang melaksanakan kurikulum. Sebaliknya, perubahan di peringkat sistem boleh membuat kekeliruan di pihak guru, dan ini boleh mengganggu amalan pengajaran harian mereka di peringkat bilik darjah (Musthafa & Hamied, 2014). Oleh itu kajian ini akan memberi tumpuan kepada keprihatinan dan tingkah laku guru yang berada di barisan hadapan, perubahan yang mereka telah lakukan dan cabaran yang mereka hadapi dalam melaksanakan Kurikulum Bahasa Inggeris Berasaskan Sekolah.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian diformulasikan seperti berikut;

- i. Menenal pasti peringkat yang dominan dari peringkat keperihatinan (*stage of concern*) guru dalam melaksanakan KBIBS.
- ii. Menenal pasti peringkat yang dominan dari pada tahap penggunaan (*level of use*) dalam pendekatan komunikatif guru untuk melaksanakan KBIBS.
- iii. Menentukan perbezaan demografi (jantina, latar belakang akademik, latihan, pengalaman) guru terhadap peringkat keperihatinan mereka dalam melaksanakan KBIBS .

- iv. Menentukan perbezaan demografi (Jantina, latar belakang akademik, latihan, pengalaman) guru terhadap tahap penggunaan pendekatan komunikatif dalam pembelajaran Bahasa Inggeris berasaskan KBIBS.
- v. Mengenal pasti kesan peringkat keperihatianan tahap penggunaan dalam pendekatan komunikatif untuk pembelajaran bahasa Inggeris berasaskan KBIBS.
- vi. Mengenal pasti perubahan yang telah dilakukan oleh guru dalam melaksanakan KBIBS.
- vii. Mengenal pasti cabaran kepada proses perubahan dan bagaimana guru-guru mengendalikannya.
- viii. Mencadangkan kerangka pelaksanaan KBIBS di Sekolah Menengah.

1.5 Persoalan Kajian

Berpandukan kepada objektif kajian, maka persoalan kajian ini dirumuskan sebagai berikut:

- i. Apakah peringkat yang dominan dari peringkat keperihatianan (*stage of concern*) guru dalam melaksanakan KBIBS 2006.
- ii. Apakah peringkat yang dominan dari tahap penggunaan (*level of use*) pendekatan komunikatif guru untuk melaksanakan KBIBS.
- iii. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan demografi guru terhadap peringkat keperihatianan dalam melaksanakan KBIBS dari segi: Jantina, pendidikan, latihan dan masa berhidmat.
- iv. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan demografi guru terhadap tahap penggunaan pendekatan komunikatif untuk pembelajaran bahasa Inggeris berasaskan KBIBS dari segi: Jantina, pendidikan, latihan dan masa berhidmat.
- v. Adakah kesan peringkat keperihatianan dengan tahap penggunaan dalam pendekatan komunikatif untuk pembelajaran bahasa Inggeris dalam melaksanakan KBIBS.

- vi. Bagaimanakah perubahan yang telah dilakukan oleh guru dalam melaksanakan KBIBS.
- vii. Apakah cabaran yang wujud kepada proses perubahan dan bagaimana guru-guru mengendalikannya.
- viii. Apakah kerangka pelaksanaan KBIBS yang sesuai di Sekolah Menengah?

1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis penyelidikan dalam kajian ini disusun seperti berikut:

Ho₁: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara demografi guru dengan peringkat keprihatinan dalam melaksanakan KBIBS 2006.

Hipotesis Ho₁ diperincikan seperti berikut:

Ho_{1.1}: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dengan peringkat keprihatinan dalam melaksanakan KBIBS 2006.

Ho_{1.2}: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pendidikan guru dengan peringkat keprihatinan dalam melaksanakan KBIBS 2006.

Ho_{1.3}: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara latihan guru dengan peringkat keprihatinan dalam melaksanakan KBIBS 2006.

Ho_{1.4}: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara masa berhidmat dengan peringkat keprihatinan dalam melaksanakan KBIBS 2006.

Seterusnya hipotesis penyelidikan dalam kajian berikutnya adalah:

Ho₂: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara demografi guru dengan tahap penggunaan mereka dalam melaksanakan KBIBS 2006.

Hipotesis Ho₂ diperincikan seperti berikut:

Ho_{2.1}: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dengan tahap penggunaan pendekatan komunikatif dalam melaksanakan KBIBS 2006.

- Ho_{2.2}: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pendidikan guru dengan tahap penggunaan pendekatan komunikatif dalam melaksanakan KBIBS 2006.
- Ho_{2.3}: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara latihan guru dengan tahap penggunaan pendekatan komunikatif dalam melaksanakan KBIBS 2006.
- Ho_{2.4}: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara masa berhidmat guru dengan tahap penggunaan pendekatan komunikatif dalam melaksanakan KBIBS 2006.

Hipotesis terakhir dalam penyelidikan ini adalah:

- Ho 3: Tidak terdapat kesan peringkat keprihatinan dengan tahap penggunaan pendekatan komunikatif dalam pembelajaran Bahasa Inggeris dalam melaksanakan KBIBS.

1.7 Rasional Kajian

Kajian ini diharap dapat menjelaskan kepada ahli akademik, pengajar, dan para pembuat polisi tentang peringkat keprihatinan dan tahap penggunaan komunikatif guru bahasa Inggeris dalam melaksanakan KBIBS di Daerah Jeneponto yang akan menjadi dasar kepada upaya pembinaan kurikulum dan peningkatan kualiti kecekapan pengajaran guru bahasa Inggeris. Peringkat keprihatinan dan tahap penggunaan guru dalam melaksanakan kurikulum baru telah menjadi perhatian para ahli pendidikan Anderson (1997), Horsley (1998) Hord (2001), 2007), Carless (2004), Ekiz (2004), Malderez & Wedell (2007), Orafi (2013) pada umumnya mendedahkan bahawa kejayaan pelaksanaan terutamanya kurikulum baru sangat bergantung pada bagaimana guru mengubah suai kurikulum dalam bilik darjah.

Evans (2004) menyatakan dua persoalan perlu diperhalusi dalam perubahan kurikulum. Pertama, perubahan tidak dapat dielakkan masa kini. Ianya terus berlaku secara meluas dan bentuknya pula semakin canggih, teknikal dan kompleks. Kedua, guru-guru kurang kecekapan untuk melaksanakan perubahan secara berkesan di peringkat sekolah masing-masing. Kedua-dua persoalan tersebut menurut Evans menyebabkan proses pelaksanaan perubahan kehilangan fokus dari aspek penekanan.

Ini kerana akan timbul persoalan apakah aspek yang seharusnya diutamakan. Evans berpendapat kebiasaannya proses pelaksanaan perubahan hanya menumpukan aspek teknikal seperti penyediaan alatan dan juga latihan. Aspek yang berkaitan dengan tingkah laku guru, norma, sikap, dan perubahan budaya sekolah kurang diberi penekanan.

Melalui kajian ini peringkat keprihatinan dan tahap penggunaan komunikatif guru bahasa Inggeris menjadi penentu kepada kejayaan pelaksanaan KBIBS di sekolah untuk membantu pelajar menguasai bahasa Inggeris dan menghasilkan prestasi cemerlang secara menyeluruh. Walaupun kandungan KBIBS dan pengajaran serta kemudahan sekolah dan bilik darjah yang cukup, tanpa keprihatinan dan tahap penggunaan komunikatif dan kemampuan guru bahasa Inggeris yang tinggi maka besar kemungkinan segala matlamat yang diinginkan tidak tercapai. Pengkaji mendapati kajian ini perlu dibuat agar menjadi suatu landasan yang berguna bagi guru untuk meningkatkan pelaksanaan kurikulum yang berkesan dan unsur-unsur yang berkaitan dengan pelaksanaan KBIBS supaya dapat memaksimumkan setiap perannya sebagai guru. Dapatan yang diperolehi ini dapat menyumbangkan maklumat kepada pihak pemerintah, pengajar, dan ahli-ahli akademik lainnya.

1.8 Signifikan Kajian

Kajian ini penting, kerana pelaksanaan KBIBS menghadapi pelbagai permasalahan dan cabaran terutamanya guru. Cabaran ini menuntut pemahaman terhadap peringkat keprihatinan dan tingkah laku guru dalam melaksanakan KBIBS. Kajian ini memberi tumpuan pada peringkat keprihatinan dan tahap penggunaan pendekatan komunikatif guru dalam melaksanakan KBIBS 2006 di daerah Jeneponto. Ia akan menjadi asas untuk pemahaman terhadap keprihatinan guru semasa dan tingkah laku dalam melaksanakan KBIBS 2006 untuk Sekolah Menengah Awal dan akan menjadi ketara dalam beberapa aspek. Pertama, kajian ini akan memberikan maklum balas mengenai pelaksanaan, di daerah Jeneponto di Indonesia. Dalam erti kata lain, ia akan menawarkan maklum balas mengenai bagaimana kurikulum yang dirancang akan dilihat dan dilaksanakan oleh guru. Oleh itu, kajian ini akan

membantu pemaju kurikulum untuk menggambarkan bagaimana guru-guru akan mentafsir dan mengamalkan keputusan mereka di dalam kelas.

Kajian ini juga membantu untuk mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi dalam mencapai matlamat KBIBS 2006 semasa dari perspektif guru supaya pihak berkuasa mempunyai peluang untuk mempertimbangkan isu-isu ini dalam usaha mereka memperbaiki kurikulum bahasa Inggeris. Ini adalah signifikan kerana kajian ini akan dijalankan ketika Kementerian Pendidikan Nasional Indonesia sedang dalam usaha untuk mempertimbang semula kurikulum semasa bagi semua mata pelajaran termasuk Bahasa Inggeris di semua peringkat. Oleh itu, keputusan yang diperolehi mengenai pelaksanaan KBIBS, bagaimana guru melihat akan cabaran yang dihadapinya sendiri dan cadangan yang dibuat oleh guru-guru dijangka memberikan maklumat yang berguna kepada pembuat dasar dan pakar dalam usaha masa depan mereka.

Hasil kajian ini dapat digunakan oleh guru bahasa Inggeris sebagai introspeksi diri mengenai keprihatinan dan tahap penggunaan komunikatif dalam melaksanakan KBIBS, serta berusaha meningkatkan peringkat keprihatinan dan tahap penggunaan komunikatif mereka dalam P&P mata pelajaran bahasa Inggeris. Hasil kajian ini diharapkan akan menjadi satu kajian rujukan terutamanya dalam pengajaran bahasa Inggeris dan program latihan Bahasa Inggeris pra-perkhidmatan dan dalam-perkhidmatan yang ditawarkan oleh Menteri Pendidikan Nasional Indonesia. Sebagai salah satu daripada beberapa kajian mengenai keprihatinan dan tingkah laku guru dalam pelaksanaan kurikulum bahasa Inggeris di Sekolah Menengah Awal di Indonesia, kajian ini juga membantu untuk menyumbang kepada literatur. Dengan mempunyai pemahaman yang lebih baik daripada isu-isu dan cabaran, penyelesaian asas akan dapat digubal untuk mengatasi masalah, yang tidak dapat tidak akan meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa asing di Jeneponto, Selatan Sulawesi, Indonesia.

1.9 Kerangka Teori

Kerangka teori yang digunakan dalam kajian ini adalah bertujuan untuk menjelaskan teori konstruktivisme, model pelaksanaan kurikulum yaitu Model Adaptasi Berasaskan Keprihatinan (Fuller, 1969, Hall dan Hold, 2001, 2006), KBIBS untuk Sekolah Menengah Awal 2006. Kerangka teori berasal dari gabungan Kurikulum Bahasa Inggris Berasaskan Sekolah pada Sekolah Menengah Awal di Indonesia (Diknas, 2006), peringkat keprihatinan dan tahap penggunaan seperti yang diterangkan dalam Rajah 1.1. Konstruktivisme (Richardson, 2007; Spark, 1994; Wesley, 1998). Konstruktivisme merujuk kepada proses di mana manusia aktif berfikir untuk memahami dunia sekeliling mereka (Richardson, 2007), dan oleh itu dalam pembelajaran pengajaran, konstruktivisme menghendaki untuk memikirkan semua aspek pengajaran di mana kita terlibat sama ada sebagai pendidik, pentadbir atau pelajar (Wiske, 1998). Kita perlu mengkaji perancangan, standard dan bahan-bahan yang kita gunakan, situasi dalam kelas, sikap kita sendiri dan harapan kita, dan khususnya, keperluan pelajar-pelajar kita (Sparks, 1994).

Model Adaptasi Berasaskan Keprihatinan adalah satu rangka kerja konsep yang menerangkan, menjelaskan, dan meramal keprihatinan dan tingkah laku guru dalam pelaksanaan perubahan kurikulum baru (Hall, George, & Rutherford, 1979, Hall & Hord, 1987, 2001). Model ini telah digunakan dalam pelbagai penyelidikan dan diterima secara meluas dalam penyelidikan pendidikan dan ia mengekalkan fokus peserta dalam memahami sikap, persepsi, pemikiran dan pertimbangan individu ke arah pelaksanaan perubahan (Adams, 2002; Ansah & Johnson, 2003).

Model Adaptasi Berasaskan Keprihatinan mempunyai tiga teras pembinaan, yang mengaitkan alat diagnostik dengan model rangka kerja (Hall et al, 2001, 2006; Loucks, 1983; Hord, 1986; Anderson, 1997.): Pembinaan pertama adalah Peringkat Keprihatinan (*Stages of Concerns*). Rangka kerja afektif ini adalah rangka kerja yang memberi ilustrasi tentang perasaan dan keprihatinan guru ketika terlibat dalam inovasi. Pembinaan kedua adalah Tahap Penggunaan (*Level of Use*). Ini memberi tumpuan kepada inovasi berkaitan pembinaan kemahiran, pengetahuan dan tingkah laku guru dan menerangkan bagaimana mereka berinteraksi dengan program baru.

Pembinaan ketiga adalah konfigurasi inovasi (Innovation Configuration) yang merealisasikan inovasi yang berubah-ubah. Mengikuti Julius (2007) bahwa kombinasi peringkat keprihatinan dan tahap penggunaan menyediakan rangka kerja yang perlu bagi mengkaji pelaksanaan inovasi. Seterusnya, penggunaan kedua-dua dimensi MABK boleh menyediakan data asas untuk menentukan apa peringkat keprihatinan dan tahap penggunaan yang berkaitan dengan pengajaran.

Pembinaan meramalkan, mengukur, menerangkan, dan menjelaskan proses perubahan guru apabila melaksanakan inovasi pendidikan tersebut sebagai KBIBS 2006. Kajian ini akan menggunakan dua komponen iaitu Peringkat Keprihatinan dan Tahap Penggunaan, kerana maklumat yang diperlukan akan dilindungi oleh kedua-dua komponen (Julius, 2007).

Menurut Hall dan Hord (2001), Peringkat Keprihatinan adalah corak pembangunan bagaimana perasaan dan persepsi kita berkembang sebagai proses perubahan yang terungkap. Hosley dan Loacks-Hosley (1998) menyatakan Peringkat Keprihatinan itu terdiri daripada tujuh peringkat berurutan keprihatinan guru iaitu kesedaran yang merujuk kepada guru yang tidak sedar sama ada perubahan sedang berjalan atau tidak mahu belajar tentangnya, maklumat yang menerangkan persoalan guru apabila mereka mendengar sesuatu yang baru; peribadi yang merujuk kepada persoalan apabila guru bertanya akan perubahan mungkin memberi kesan kepada mereka; pengurusan menggambarkan keprihatinan yang tiba-tiba muncul apabila guru mengambil bahagian dalam kemahiran baru, permintaan masa, bahan-bahan dan lain-lain; akibat menggambarkan pemikiran guru tentang bagaimana mereka boleh membuat program kerja yang lebih baik dengan aktif bekerja dan lebih baik untuk pelajar, dan penumpuan semula yang merujuk kepada pencarian perubahan yang baru dan lebih baik untuk melaksanakan program demi kejayaan.


Tahap Penggunaan memberi fokus kepada corak tingkah laku dalam penggunaannya. Bersama Peringkat keprihatinan, tahap Penggunaan dibangunkan. Ia menggambarkan pengalaman tipikal guru kerana mereka belajar, mula menggunakan, dan menimba pengalaman dalam penggunaan meningkatkan kurikulum baru dan amalan pengajaran. Ia adalah satu teori perubahan dalam amalan (Anderson, 1997). Tahap Penggunaan mempunyai lapan tahap rangka kerja yang menggambarkan bagaimana perubahan peribadi sebagaimana guru mendapat pengalaman dengan

inovasi seperti yang ditakrifkan. Ia membincangkan corak umum tingkah laku guru dalam penggunaannya dan menerangkan pengalaman tipikal guru sebagaimana belajar, mula menggunakan dan mendapat pengalaman dalam penggunaan kurikulum baru dan amalan pengajaran (Hall et al, 2001, 2006;. Loucks , 1983; Hord, 1986, Anderson, 1997).

Tahap Penggunaan mempunyai lapan tahap (Hall, 1975,2001), tahap 0 adalah Bukan Pengguna: Pengguna mempunyai sedikit atau tiada pengetahuan mengenai penglibatan inovasi. Tahap 0 adalah Orientasi: pengguna memperoleh maklumat atau meneroka nilai dan keperluan kepada sistem. Tahap seterusnya adalah Tahap I, Penyediaan: pengguna mula-mula bersedia untuk menggunakan inovasi. II Penggunaan mekanikal: pengguna fokus kepada penggunaan jangka pendek inovasi tanpa refleksi. Tahap III adalah Rutin, pengguna menjadikan inovasi sebagai rutin dan ia distabilkan. Beberapa perubahan dipertimbangkan untuk ke tahap penggunaan seterusnya. Tahap IV adalah Penghalusan: pengguna memperbelbagaikan penggunaan inovasi untuk meningkatkan kesan. Peringkat V adalah Integrasi: pengguna menggabungkan usaha untuk menggunakan inovasi untuk membersihkan kesan biasa untuk memperolehi pencapaian dan peringkat terakhir, VI, Pembaharuan: pengguna menilai semula kualiti penggunaan inovasi dan mencari pengubahsuaian dan alternatif untuk meningkatkan pencapaian.

Menurut Loucks-Horsey (1996) Model Adaptasi Berasaskan Keprihatinan mempunyai major implikasi untuk pembangunan profesional dalam menggunakan perubahan dan menawarkan sokongan untuk pelbagai keperluan individu yang terlibat dengan perubahan. Dalam erti kata yang luas, Glatthorn (1995) menegaskan pembangunan profesional merujuk kepada pembangunan seseorang dalam peranan profesional mereka. Selanjutnya, beliau menerangkan lebih lanjut bahawa pembangunan guru adalah pertumbuhan profesional guru yang dicapai sebagai hasil daripada mendapat pengalaman dan memeriksa peningkatan pengajaran guru secara sistematik. Oleh yang demikian, konsep pembangunan profesional ini adalah lebih luas boleh ditakrifkan sebagai pertumbuhan yang berlaku kepada guru untuk bergerak menerusi kitran kerjaya profesional. Salah satu tugas seorang guru untuk membangunkan profesionalisme adalah bagaimana guru menyesuaikan diri dengan kurikulum baru dan melaksanakannya secara berkesan. Seperti yang dikatakan oleh

Cheng (1986) bahawa kurikulum adalah efektif jika ia boleh berinteraksi dengan kecekapan guru untuk mengawal prestasi guru, membantu pelajar mencapai pengalaman pembelajaran yang sesuai dengan ciri-ciri mereka, dan mengeluarkan hasil yang diharapkan, di bawah kawalan ciri-ciri yang sedia ada seperti matlamat kebangsaan, matlamat sekolah, dan pengurusan sekolah. Cheng mencadangkan bahawa proses dan hasil kriteria seperti prestasi guru, pengalaman pelajar dan hasil hendaklah dimasukkan dalam penilaian keberkesanan kurikulum.



Rajah 1.1: Kerangka Teori Kajian

Menurut Hall (1986) Model Berasaskan Adaptasi Keprihatinan boleh meramalkan, mengukur, menerangkan, dan menjelaskan proses perubahan guru


apabila melaksanakan inovasi pendidikan. Seperti diterangkan di Rajah 1.2. Kesan latar belakang jantina, akademik guru, latihan, dan pengalaman ke arah peringkat keprihatinan dan tahap penggunaan dalam melaksanakan KBIBS 2006.

Dalam mengamalkan dan menggunakan inovasi seperti KBIBS 2006, guru tidak mempunyai eksperasi yang sama di peringkat keprihatinan kerana sebagai individu, kita memiliki toleransi yang berbeza untuk kekaburan dan isu-isu yang membuat perubahan halus, serta-merta, atau secara drastik (Hall dan Hord,1987, 2001). Seterusnya latar belakang jantina, pendidikan, latihan dan masa berhidmat mempunyai pengaruh kepada peringkat keprihatinan dan tahap penggunaan dalam melaksanakan sesebuah kurikulum (Martin,1989; Alshamarri ,2000; Sells-Lewallen, 2000; Adams,2002; Donovan et. al, 2007, Al-Aghbari, 2007; Petherbridge,2007, Rismiati, 2012).

Selain itu, mereka berhujah bahawa guru-guru akan mempunyai perbezaan pemikiran, perasaan, sikap dan persepsi yang dirangka sebagai keprihatinan tentang penerimaan dan penggunaan inovasi dalam bilik darjah. Oleh itu, pentadbiran sekolah dan pembuat dasar juga mesti memahami bahawa tidak setiap guru secara automatik akan menghargai inovasi dan permintaan yang baru terhadap kurikulum, atau nilai penggunaan KBIBS 2006 untuk menyokong usaha mengajar mereka. Ia adalah sangat semula jadi untuk individu-individu yang terlibat dalam inovasi mempunyai kedua-dua soalan positif dan negatif, perasaan, dan emosi, mengenai sistem atau proses yang baru (Holloway, 2003). Hasilnya, terdapat keperluan untuk meringkaskan proses dalam konteks teori perubahan yang menyediakan pemahaman yang lebih baik daripada individu-individu yang terlibat dalam pelaksanaan inovasi. Menurut Edwards (1993) bahawa masalah di antara apa yang dimaksudkan dalam kurikulum nasional dan apa yang sedang dilaksanakan dalam keputusan kelas dari guru-guru tempatan tidak mempunyai rasa pemilikan dalam pembaharuan kurikulum.

Fokus KBIBS 2006 adalah pendekatan pembelajaran berpusat pada pelajar dimana dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris menggunakan pendekatan komunikatif untuk membangunkan kecekapan individu asas pelajar (Diknas, 2006). Tumpuan menginspirasi bahawa perbezaan individu guru adalah penting untuk membentangkan bahan untuk individu pelajar yang berbeza. Selain itu, KBIBS 2006 memerlukan guru bukan hanya sebagai pelaksana tetapi juga sebagai

pemaju kurikulum kerana kerajaan hanya menyediakan matlamat umum kurikulum. Dalam jangka pendekatan pelajar berpusat, guru harus menyediakan cara yang berbeza untuk mendekati pelajar-pelajar mereka kerana setiap pelajar mempunyai strategi pembelajaran yang berbeza. Dalam penyediaan guru, aktiviti kelas dan jenis interaksi bilik darjah akan dinyatakan sebagai prosedur pengajaran dan pembelajaran dalam rancangan pengajaran, serta kurikulum dan ia adalah fleksibel.



Rajah 1.2: Kerangka Konsep Kajian

Dalam melaksanakan KBIBS, guru menggunakan pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar. Menurut Weimer (2002) dalam pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar, guru bekerja lebih sebagai fasilitator dalam pembelajaran tetapi bukannya guru dalam pengajaran. Dengan cara ini, guru kurang bercakap dan memberi penjelasan dan pelajar memeprolehi lebih pemahaman. Weimer juga

mendakwa bahawa peranan guru dalam pendekatan untuk merekabentuk kursus, adalah untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang optimum, untuk model tingkah laku yang betul yang dijangka untuk pelajar, untuk menggalakkan pelajar untuk belajar antara satu sama lain, dan menawarkan maklum balas yang lebih sepanjang proses. Seperti yang ditegaskan oleh Stern (1992) fokus pengajaran berpusatkan pelajar adalah untuk memberi peluang kepada pelajar mengamalkan bahasa mereka tetapi ia cenderung untuk menjadi fleksibel. Fleksibiliti guru dalam merekabentuk dan membangunkan KBIBS 2006 akan membuat pelajar merasakan kemudahan dalam pembelajaran, walaupun ia adalah sukar untuk meninggalkan tabiat mereka dengan kurikulum terlebih dahulu. Guru perlu mengikut konteks peranan, harapan dan permintaan yang melibatkan mereka, dalam konteks sistem yang mempunyai pelbagai program pembaharuan.

Aspek lain yang perlu diambil kira dalam pelaksanaan KBIBS adalah mengenai pembangunan profesional yang menyokong P&P bahasa Inggeris yang berkesan dalam bilik darjah dan pembaharuan pendidikan menerusi latihan. Little (1993) telah mencadangkan bahawa tahap keberkesanan latihan adalah berkaitan dengan kebolehan guru dengan latihan untuk menyediakan peluang untuk amalan, perundingan, dan bimbingan. Ross dan Bruce (2007) contohnya menetapkan kemungkinan pembangunan profesional pada tahap berkesannya kepercayaan. Mereka berteori bahawa pembangunan profesional menyumbang dalam pelbagai cara kepada empat sumber maklumat keberkesanan (Ross & Bruce, 2007). Dengan menghadiri program latihan, terdapat kemungkinan untuk guru-guru berasa bahawa terdapat peningkatan dalam tahap penguasaan mereka dalam bidang yang dialihkan melalui latihan. Meningkatkan penguasaan persepsi akan meningkatkan tahap keberkesanan yang berpotensi. Berkomunikasi dengan rakan-rakan dan melihat kejayaan guru lain dalam latihan juga boleh memberi pengalaman yang berbeza, yang seterusnya akan membantu meningkatkan guru-guru lain turut merasa keberkesanan.

1.10. Batasan Kajian

Kajian ini akan mengenalpasti keprihatinan dan tingkah laku guru dan menyiasat perubahan yang telah dibuat dan halangan yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan KBIBS 2006. Kajian ini terhad kepada guru-guru yang mengajar bahasa Inggeris di Sekolah Menengah Awal di Daerah Jeneponto, Wilayah Sulawesi Selatan, Indonesia. Model pelaksanaan kurikulum akan diaplikasikan dalam kajian ini. Iaitu Model Adaptasi Keprihatinan yang melibatkan dua komponen: Peringkat Keprihatinan dan Tahap Penggunaan.

1.11 Definisi Operasional

Berikut akan diuraikan istilah atau defenisi yang digunakan untuk keperluan kajian ini.

1.11.1 Kurikulum Bahasa Inggeris Berasaskan Sekolah

Kurikulum Bahasa Inggeris Berasaskan Sekolah 2006 disingkat KBIBS. Ia merujuk kepada kurikulum bahasa Inggeris yang digunakan di Sekolah Menengah Awal di Indonesia. Kurikulum berasaskan sekolah dikawal oleh Undang-Undang Perlembagaan No. 20 (2003) tentang Sistem Pendidikan Nasional dan Peraturan Pemerintah Republik Indonesia No 19 (2005) tentang Standard Pendidikan Nasional. Pelaksanaan KTSP berdasarkan Peraturan Kementerian Pendidikan Nasional No. 24 (2006). Sekolah digesa membentuk kurikulum sendiri berdasarkan standard kandungan dan standard kompetensi lulusan, yang terdapat dalam garis panduan yang telah diluluskan oleh Agensi Standard Pendidikan Nasional (Badan Standardisasi Pendidikan Nasional). Garis Panduan ini menyediakan hala tuju pelaksanaan lapan standard pendidikan kebangsaan, terdiri dari: standard kandungan, standard proses, standard kompetensi siswazah, standard guru, standard pembelajaran, standard

kemudahan dan infrastruktur, standard pengurusan, standard pembiayaan, standard belajawan, dan standard penilaian. Dua daripada lapan standard, iaitu standard kandungan dan standard keputusan merupakan rujukan bagi merekabentuk dan membangunkan kurikulum Sekolah. Rangka kerja standard kandungan terdiri daripada struktur kurikulum, tanggungjawab dan kalendar pendidikan. Standard kandungan merangkumi standard asas kecekapan dan keupayaan setiap semester di peringkat pendidikan rendah dan menengah yang telah diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Nasional Republik Indonesia Nombor 22 tahun 2006 (BNSP, 2006) Standard alat penilaian kompetensi terdiri daripada persetujuan sikap, pengetahuan dan kemahiran pelajar (BNSP, 2006).

1.11.2 Pelaksanaan

Pelaksanaan dalam kajian ini digunakan sebagai merujuk kepada konsep Fullan dan Park (1981). Pelaksanaan merujuk kepada perubahan amalan yang terdiri daripada pengubahsuaian daripada amalan yang sedia ada kepada beberapa amalan yang baru atau amalan yang disemak untuk mencapai hasil pembelajaran tertentu.

1.11.3 Keprihatin

Keprihatinan adalah perwakilan kolektif emosi, perasaan, pemikiran, dan refleks mengenai sesuatu isi atau tugas (Hall & Hord, 1987, 2001, 2006). Dalam kajian ini keprihatinan merujuk kepada emosi, perasaan, pemikiran guru mengenai pelaksanaan KBIBS di sekolah. Setiap guru mempunyai peringkat keperihatinan yang tidak sama, kerana ianya mempunyai sikap yang berbeza terhadap perubahan. Peringkat keperihatinan yang berbeza menunjukkan bagaimana perasaan dan persepsi seseorang berubah semasa proses perubahan berlangsung

1.11.4 Guru

Guru adalah pendidik profesional dengan tugas utama mendidik, mengajar, membimbing, melatih dan menilai pelajar (UU RI nomor.15 tahun 2005). Guru ialah pekerjaan profesional yang memerlukan perilaku baik, kepakaran, pengetahuan, dan kemahiran khas yang mengharuskan pelakunya mesti menguasai secara benar tentang pendidikan dan pengajaran serta ilmu-ilmu lainnya sehingga mampu melaksanakan pekerjaannya dengan baik, tentunya juga dapat menghasilkan output yang baik pula. Apabila guru dalam melaksanakan peranannya masih kurang profesional, secara automatiknya suasana bilik darjah menjadi kurang kondusif. Seterusnya, sokongan kepada peningkatan kualiti pendidikan sukar tercapai. Dalam usaha untuk mencapai sasaran pendidikan bukan sahaja dilihat daripada tujuan suatu aktiviti sesuai anjuran tetapi yang terpenting juga kesan kepada prosesnya. Guru merupakan pengamal daripada proses P&P di sekolah. Dalam kajian ini guru merujuk kepada individu yang mengajar bahasa Inggeris di Sekolah Menengah Awal di Daerah Jeneponto, Selatan Sulawesi, Indonesia. Sekolah menengah awal ialah salah satu bentuk unit pendidikan am daripada tahap pendidikan menengah sebagai lanjutan dari sekolah dasar.

1.11.5 Perubahan Guru

Perubahan guru adalah perubahan peranan guru dari bukan sahaja pelaksana kurikulum tetapi juga menjadi pembangun, perekabentuk dan penilai kurikulum. Dalam pelaksanaan kurikulum sebelumnya, guru-guru telah disediakan dengan garis panduan terperinci melalui bahan-bahan tentang bagaimana mereka mengajar, kaedah pengajaran yang mereka perlu aplikasikan dan membentuk taksiran tentang tindakan guru dalam bilik darjah. Sebaliknya dalam pelaksanaan KBIBS, guru harus mampu untuk merekabentuk dan menyesuaikan bahan dengan kaedah pengajaran.

1.11.6 Pendekatan Komunikatif

Pendekatan komunikatif adalah suatu kaedah untuk pengajaran bahasa asing yang menekankan pada interaksi kerana kedua-dua cara dan matlamat utama pembelajaran bahasa. Mengikut David Nunan (1991) pendekatan komunikatif mempunyai ciri-ciri: penekanan kepada pembelajaran berkomunikasi, pengenalan teks dalam pembelajaran, menyediakan peluang kepada pelajar untuk aktif bukan sahaja kepada pembelajaran tetapi juga kepada pengurusan pembelajaran, pembangaunan pengalaman peribadi pelajar sebagai satu elemen penting dalam pembelajaran dan pembelajaran bahasa bersekutu di dalam dan di luar kelas.

1.11.7 Model Adaptasi Berasaskan Keprihatinan

Model Adaptasi Berasaskan Keprihatinan merujuk kepada salah satu model pelaksanaan yang direka oleh Fuller (1969). Model Adaptasi Berasaskan Keprihatinan adalah satu rangka kerja yang menerangkan, menjelaskan, dan meramal tingkah laku guru sepanjang perubahan berlangsung (Hall, George, & Rutherford, 1979, Hall & Hord, 1987, 2001).. Menurut Hall and Hord (2001) Model adaptasi berasaskan keprihatinan mempunyai dua belas andaian iaitu: (1) perubahan adalah satu proses dan bukan sesuatu acara. Satu tempoh tidak akan mempengaruhi perubahan; Sebaliknya, ia adalah satu proses di mana orang-orang dan organisasi bergerak untuk memahami cara-cara baru (2). Perbezaan yang ketara dalam pembangunan dan pelaksanaan inovasi. Pembangunan termasuk tindakan mewujudkan inovasi, manakala pelaksanaan termasuk langkah-langkah menggunakannya (3) Sebuah pertubuhan tidak berubah sehingga individu di dalamnya berubah dan pertubuhan perlu untuk membantu individu berubah (4) Inovasi wujud dalam beberapa hal. Inovasi menjadi produk, dan boleh menjadi inovasi tunggal (5) Campur tangan merupakan kunci kejayaan perubahan. Apabila orang merancang perubahan, mereka cenderung memberi tumpuan kepada inovasi, mereka perlu berfikir tentang tindakan yang mempengaruhi proses. (6) Kedua-dua perubahan sama ada naik atau turun menunjukkan perspektif yang terbaik. Ahli-ahli dalam sistem perlu mengenali diri sebagai sebahagian daripada sistem, dan

memahami orang lain dalam sistem (7) Kepimpinan pentadbir adalah penting untuk kejayaan jangka panjang daripada perubahan. Pentadbir perlu memberi sokongan terhadap usaha-usaha untuk berubah (8) Kakitangan boleh bekerja, mempunyai keutamaan yang jelas, komunikasi yang baik, latihan, bimbingan dan masa yang cukup (9) Sekolah adalah unit perubahan utama. Fungsi utama organisasi adalah untuk membuat perubahan dalam pengurusan dan masyarakat. Memudahkan perubahan adalah satu usaha pasukan. Pentadbiran, kakitangan sokongan dan kakitangan pengajar semua memainkan peranan dalam mencapai kejayaan (11) perubahan boleh mengurangkan cabaran. Perubahan boleh menyakitkan, kecewa, sedih dan perlu ditangani, tetapi terdapat cara untuk memudahkan perubahan (12) menjejaskan proses perubahan. Ciri-ciri fizikal (seperti saiz, sumber-sumber, polisi) dan faktor-faktor manusia (seperti sikap peribadi dan kepercayaan) dan konteks mempengaruhi proses perubahan (Hall and Hord, 2001).

1.11.8 Peringkat Keprihatinan

Peringkat Keprihatinan merujuk kepada rangka kerja yang menggambarkan perasaan dan keprihatinan guru dalam melaksanakan perubahan. Peringkat keprihatinan memiliki tujuh peringkat kemajuan yang bermula daripada kesedaran, maklumat, peribadi, pengurusan, akibat, kerjasama dan penumpuan. Dalam kajian ini peringkat keprihatinan diguna pakai untuk menggambarkan perasaan dan keprihatinan guru dalam melaksanakan KBIBS. Peringkat keprihatinan memberi tumpuan dalam bertindak balas kepada perubahan kurikulum Van den Berg dan Ros (1999) menggambarkan keprihatinan sebagai halangan yang mungkin dirasai oleh guru sebagai tindak balas kepada perubahannya. Mengikut George (2006) peringkat keprihatinan tidak bertujuan untuk menyampaikan tanda-tanda kekeliruan tetapi untuk mempertingkatkan perasaan dan pemikiran kita terhadap keprihatinan. Seterusnya beliau menyatakan bahawa perubahan kurikulum (inovasi) tidak semestinya sesuatu yang baru, sebaliknya, ia adalah keadaan. Peringkat keprihatinan yang berbeza menuncukkan bagaimana perasaan dan persepsi guru-guru berubah semasa proses perubahan berlangsung.

1.11.8.1 Kesedaran

Peringkat dimana guru mempunyai sedikit atau tidak ada keprihatinan dan penglibatan dalam KBIBS 2006 . Guru tidak berminat untuk belajar dan menggunakan KBIBS dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris dalam bilik darjah.

1.11.8.2 Maklumat

Peringkat dimana guru ingin mengetahui lebih lanjut tentang KBIBS tetapi belum bersedia untuk melakukan perubahan. Secara umumnya guru menyedari dan berminat untuk belajar lebih lanjut mengenai KBIBS.

1.11.8.3 Peribadi

Peringkat dimana guru berfikir tentang bagaimana KBIBS 2006 memberi kesan kepada mereka. Guru-guru menunjukkan minat terhadap perubahan dan prihatin akan kebolehannya untuk melaksanakan KBIBS .

1.11.8.4 Pengurusan

Peringkat dimana guru menunjukkan keupayaan dalam mengekspresikan keprihatinan terhadap jangkaan dan memberi perhatian kepada proses pelaksanaan KBIBS 2006 di bilik darjah. Guru mengetahui tugas-tugas dalam melaksanakan KBIBS sama ada penjadualan, permintaan masa, penganjuran dan pengurusan.

1.11.8.5 Akibat

Peringkat dimana guru berfikir tentang bagaimana KBIBS 2006 memberi kesan kepada pelajar. Guru prihatin terhadap pencapaian pelajar dan prestasi dalam melaksanakan KBIBS.

1.11.8.6 Kerjasama

Peringkat dimana guru prihatin berkaitan apa yang dia lakukan dan apa yang guru lain lakukan dalam menerapkan KBIBS 2006. Guru bekerjasama dengan guru lain dalam mengatasi cabaran dalam pelaksanaan KBIBS.

1.11.8.7 Menumpukan semula

Peringkat dimana guru mempunyai idea baru yang menjadikan mereka bekerja lebih baik dalam melaksanakan KBIBS 2006. Guru meneroka kemungkinan perubahan dan mempunyai idea untuk bekerja lebih baik.

1.11.9 Tahap Penggunaan

Tahap Penggunaan merujuk kepada rangka kerja yang berfokus kepada corak umum tingkah laku dan sikap guru dalam menggunakan pendekatan komunikatif dalam melaksanakan KBIBS 2006. Ia mempersembahkan perjalanan pembangunan guru dalam tingkah laku guru. Tahap penggunaan menerangkan pengalaman guru pada masa pengajaran, mula menggunakan dan menimba pengalaman dalam menggunakan pendekatan komunikatif dalam melaksanakan KBIBS. Tahap penggunaan bergerak dari satu tahap ketahap berikutnya.

1.11.9.1 Bukan Pengguna

Tahap dimana guru mempunyai pengetahuan sedikit, tidak melakukan apap penglibatan dan tidak mengambil tindakan untuk menggunakan pendekatan komunikatif dalam pelaksanaan KBIBS 2006.

1.11.9.2 Orientasi

Tahap dimana guru mencari dan memperoleh maklumat tentang pendekatan komunikatif dalam pelaksanaan KBIBS 2006.

1.11.9.3 Penyediaan

Tahap dimana guru bersedia menggunakan pendekatan komunikatif dalam pelaksanaan KBIBS 2006.

1.11.9.4 Penggunaan Mekanikal

Tahap dimana guru memberi tumpuan usaha untuk penggunaan jangka pendek terutamanya usaha diarahkan kearah menguasai tugas yang diperluhkan untuk menggunakan pendekatan komunikatif yang kurang diselaraskan atau berorientasikan guru sendiri dalam pelaksanaan KBIBS 2006.

1.11.9.5 Rutin

Tahap dimana guru telah menjadi biasa dan berasa selesa menggunakan refleksi terhadap penggunaan pendekatan komunikatif dan membuat beberapa perubahan dalam pelaksanaan KBIBS 2006.

1.11.9.6 Penghalusan

Tahap dimana guru membuat perubahan penggunaan pendekatan komunikatif dalam pembejaran bahasa Inggeris untuk meningkatkan hasil dan faedah yang dijangka dalam bilik darjah dalam pelaksanaan KBIBS 2006.

1.11.9.7 Integrasi

Tahap dimana guru membuat usaha sendiri untuk koordinasi dengan orang lain dan menggabungkan aktiviti aktiviti yang berkaitan dengan guru dan rakan-rakan lajin untuk mencapai kesan dalam bilik darjah dengan menggunakan pendekatan komunikatif dalam pelaksanaan KBIBS 2006.

1.11.9.8 Pembaharuan

Tahap dimana guru mencari alternatif yang lebih berkesan dan menilai kualiti penggunaan pendekatan komunikatif dalam pembelajaran bahasa Inggeris dalam pelaksanaan KBIBS 2006.

1.12. Penutup

Bab 1 menghuraikan tentang latar belakang, pernyataan masalah, hipotesis kajian, kajian, kerangka konsep dan daftar istilah untuk memantapkan kajian ini. Kepentingan kajian ini ialah untuk melihat peringkat keprihatinan dominan dimiliki guru dalam melaksanakan KBIBS, peringkat penggunaan dominan yang dimiliki guru dalam melaksanakan KBIBS 2006 dengan menggunakan Model Adaptasi Berasaskan Keprihatinan. Guru memainkan peranan dalam melaksanakan sesuatu perubahan kurikulum. Tanpa penglibatan guru secara aktif, matlamat kurikulum yang dirancang sukar untuk dicapai. Kajian ini pula akan melihat cabaran dalam pelaksanaan dan bagaimana guru mengendalikannya.

Secara umumnya, penglibatan guru dalam proses pelaksanaan inovasi kurikulum di sekolah adalah berbeza-beza di samping pelbagai cabaran serta rintangan dalam melaksanakannya secara berkesan. Pelaksanaan inovasi juga menghadapi halangan berikutan wujudnya perasaan bimbang, konflik, rasa tidak tenteram dan kesukaran guru untuk menukar amalan sedia ada kepada amalan yang baru. Kajian ini memberi tumpuan pada peringkat keprihatinan dan tahap penggunaan pendekatan komunikatif guru dalam melaksanakan KBIBS 2006 di daerah Jeneponto. Ia akan menjadi asas untuk pemahaman terhadap keprihatinan guru semasa dan tingkah laku dalam melaksanakan KBIBS 2006 untuk Sekolah Menengah Awal dan akan menjadi ketara dalam beberapa aspek. Ia akan menawarkan maklum balas mengenai bagaimana kurikulum yang dirancang akan dilihat dan dilaksanakan oleh guru. Oleh itu, kajian ini akan membantu pemaju kurikulum untuk menggambarkan bagaimana guru-guru akan mentafsir dan mengamalkan keputusan mereka di dalam kelas.

5.7 Penutup

Kajian deskriptif ini menunjukkan bahawa guru-guru bahasa inggeris mempunyai keprihatinan dan memiliki tahap penggunaan pendekatan komunikatif dalam melaksanakan KBIBS. Bagi melaksanakan perubahan berjaya, guru perlu bersedia untuk menerima perubahan, keinginan guru untuk bekerjasama dengan guru lain menunjukkan keinginan untuk mengurangkan keprihatinan mereka di peringkat lain dan kekurangan rintangan ke arah pelaksanaan program pembaharuan.

Dari dapatan kajian ini, guru bahasa Inggeris boleh melaksanakan KBIBS walaupun terhad pada media dan sokongan persekitar, membentuk sukatan pelajaran dan rancangan pengajaran menjadi sebahagian dari pembangunan KBIBS dan sebagai usaha untuk keberdikarian dalam pembelajaran melibatkan pembelajaran aktif, dan penglibatan kesaksamaan pelajar di dalam bilik darjah . Selain itu, semua pihak berkepentingan dalam pelaksanaan KBIBS pada Sekolah Menengah Awal terutamanya pentadbir, perlu untuk menyokong peranan penting guru sebagai pelapik depan dalam merancang dan melaksanakan KBIBS yang berkesan.

RUJUKAN

- Adams, N.B. (2002). Educational computing concerns of postsecondary faculty. *Journal of Research on Technology in Education*. 34/3. 285-303. . DOI: 10.1080/15391523.2002.1078.
- Adey, P., & Hewitt, G. (2004). *The Professional Development of Teachers: Practice and Theory*. London: Kluwer Academic.
- Adleman, N.E., & Walking-Eagle, K.P. (1997). Teachers, time, and school reform. In C. Dede (Ed.), *Rethinking educational change with heart and mind*. ASCD Yearbook. Alexandria, VA: Association for Supervision and Curriculum Development.
- Adnan, Zi (2006). *Rhetorical pattern in Indonesian Academic Writing in the Humanities*. Unpublished Dissertation. Curtin University, Perth, Australia.
- Alharbi, Y. (2002). *A study of The barriers and Attitudes of Faculty and Administrators toward Implementation of Online Courses in Saudi Arabia*. Unpublished Dissertation, University of Northern Colorado. UMI Microform No. 3059974.
- Alnujaidi, S. A. (2008). *Factors Influencing English language Faculty Members' Adoption and Integration of Web-based Instruction (WBI) in Saudi Arabia*. (Ph.D., University of Kansas).
- Apple, M. (2004). *Ideology and curriculum*. London: Routledge Falmer.
- Alsaif, A. (2005). *The motivating and Inhibiting Factors Affecting The Use of Web-based Instruction at the University of Qassim in Saudi Arabia*. Unpublished Dissertation, Wayne State University. UMI Microform No. 3168482.
- Al-Sarrani, Nauaf. (2010). *Concerns and professional development needs of science faculty at Taibah university in adopting blended learning*. Unpublished Dissertation. Kansas State University.
- Alshammari, Bandar S (2000). *The Developmental stages of Concern of Teachers Toward the Implementation of the Information Technology Curriculum in Kuwait*. Dissertation. University of North Texas.

- Altrichter, H. and Salzgeber, S.T. (2000). Some elements of micro-political theory of school development. In Altrichter, H. and Elliot, J. *Images of educational change*. Buckingham: Open University press. Anghileri,
- Alwasilah, C.A. (2013). Policy on Foreign Language Education in Indonesia. *International Journal of Education*, Vol.7, No.1 (1-19).
- Alwasilah, C.A. (2011). *Integrating Local Wisdom into Language Teaching*. A paper presented at CONAPLIN. Language Center, UPI Bandung, Indonesia. 19-20 September 2011. Indonesia
- Andrews, S. (2004). Washback and Curriculum Innovation. In L. Cheng & Y. Watanabe (Eds.), *Washback in Language Testing* (pp. 37-50). London: Lawrence Erlbaum Associates.
- Borg, S. (2006). *Teacher Cognition and Language Education: Research and Practice*. London: Continuum.
- Ansah, A.O., & Johnson, J.T. (2003). Time will tell on issues concerning faculty and distance education. *Online Journal of Distance Learning Administration*, 6/4. Retrieved February 1, 2012 from <http://www.westga.edu/~distance/ojdla/winter64/ansah64.htm>
- Antony, Leung Wai Lun. (2008). Teacher concern about curriculum reform : The case project. *Journal of The Asia-Pasific Education Researcher*. 17/1.75-97.
- Bandura, A. (1977). *Social learning theory*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall
- Barton, Georgina M., Garvis, Susanne and Ryan, Mary E. (2014) . Curriculum to the Classroom: Investigating the Spatial Practices of Curriculum Implementation in Queensland Schools and its Implications for Teacher Education. *Australian Journal of Teacher Education*. Volume (39) 3.
- Badaraco, J. J., & Ellsworth, R. (1989). *Leadership and the quest for integrity*. Boston: Harvard Business School Press.
- Bailey, D. B., & Palsha, S. A. (1992). Qualities of the Stages of Concern Questionnaire and implications for educational innovations. *Journal of Educational Research*, 85(4), 226-232.
- Baki, A. & Gokcek, T. (2007). *Elementary teachers' concerns about the new mathematics curriculum in Turkey*. Paper presented at the International Symposium Elementary Mathematics

- Bailey, K., Curtis, A., and Nunan, D. (2001). *Persuing Professional Development: The self as Source*, Ontario, Canada: Heinle and Heinle.
- Bailey KM (2006) *Language Teacher Supervision: A Case-based Approach*. New York: Cambridge University Press.
- Bailey KM (1996) The best laid plans: teachers' in-class decisions to depart from their lesson plans. In: Bailey KM, Nunan D (eds) *Voices from the Language Classroom*. Cambridge: Cambridge University Press, 115-40.
- Bardsley, Gary L. (2003). *Use of Stages of Concern and the Concerns-Based Adoption Model Profile Analysis Technique in an Interdisciplinary Graduate Telecommunications Program*. Unpublished Doctor of Philosophy dissertation, University of Northern Colorado. USA.
- Barth, R. (2001). Teacher leader. *Phi Delta Kappan*, 82, 443-449.
- Barucky, J. M. (1984). *Identification and measurement of the personal leadership development concerns of Air Force officers, cadets, and trainers participating in Air Force professional military education programs*. Unpublished doctoral dissertation, University of Texas at Austin.
- Basikin . (2008). *Self-efficacy Beliefs of Yuniors Secondary English Teacher In Yogyakarta Province* . Unpublished Dissertation. Faculty of Education, Monash University.
- Beerens, D. R. (2000). *Evaluating teachers for professional growth*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Bekalo, S. & Welford, G. (2000). Practical Activity in Ethiopian Secondary Physical sciences : Implication For Policy and practice of match between the intended and the implemented curriculum. *Research Papers in education*. 15/2, 185-212.
- Bell, B., & Cowie, B. (2001). The characteristics of formative assessment in science education. *Science Education*, 85(5), 536-553.
- Beretta, A. (1990). Implementation of the Bangalore project. *Applied Linguistic*, 11/4, 321-327.
- Berned, Rosso B. (2008). Implementating a Curriculum Innovation With Sustainability: A Case Study From Upstate New York. Unpublished dissertation submitted to the Faculty of the Graduate School of State University of New York at Buffalo. USA

- Bernstein, E. (2004). What teacher evaluation should know and be able to do: A commentary. *National Association of Secondary School Principals*. 88/639, 80–88.
- Bire, J . (1996). *The Success and the Failure of Senior High School Students Learning English as a Foreign Language*. Unpublished PhD Thesis. La Trobe University. Melbourne.
- Bjork, C. (2003). *Local Responses to Decentralization Policy in Indonesia. Comparative Education*. Jakarta . World Bank.
- Black, P. & Wiliam, D. (1998). Assessment and classroom learning. *Assessment in Education*, 5, 7-73.
- Black, P. & Wiliam, D. (2005). Changing teaching through formative assessment: Research and practice. In CERI (Ed.), *Formative assessment: Improving learning in secondary classrooms* (pp. 223–240). Paris: Organisation for Economic Co-operation and Development.
- Blanton, L.P., Sindelar, P.T. and Correa, V.I. (2006). Model and Measures of Beginning Teacher Quality. *Journal of Special Education*. 40(2), 115-127
- Boston, C. (2002). The concept of formative assessments. *Practical Assessment, Research and Evaluation*, 8, 9-14. Retrieved March 11, 2012, from <http://pareonline.net/getvn.asp?v=8&n=9>.
- Borg S (2006) *Teacher Cognition and Language Education: Research and Practice*. London: Continuum
- Borko, H., & Putnam, R.T. (1995). Expanding a teacher's knowledge base: A cognitive psychological perspective on professional development. In T.R. Guskey & M. Huberman (Eds.), *Professional development in Education: New paradigm and practices* (pp 35-66). NY: Teacher College Press.
- Bostald, R. (2004). *School-based curriculum development: Principles, processes and practices*. New Zealand: NZCER Press.
- Breen, M., and C. N. Candlin. 1980. The essentials of a communicative curriculum in language teaching. *Applied Linguistics* 1(2): 89-112.
- Brophy, J. (1991). Advances in research on teaching: Teachers' knowledge of subject matter as it relates to their teaching practice (Vol. 2). Greenwich, CT: JAI Press
- Campbell, K. & Zhao, Y (1993) The dilemma of English Language Instruction in the People's Republic of China. *TESOL Journal* 2/4

